



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

Jilid II

Bil. 19

Hari Isnin

5hb Disember, 1988

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN TUAH YANG DI-PERTUA:

Perutusan daripada Dewan Rakyat (Ruangan 1)

URUSAN MESYUARAT (Ruangan 2)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1989 (Ruangan 36)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 5hb Disember, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D 0 A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

PEMASYHURAN TUAH YANG DI-PERTUA

Perutusan daripada Dewan Rakyat

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"2hb Disember, 1988

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara untuk mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1989.

Yang ikhlas,

t. t.

Yang di-Pertua Dewan Rakyat."

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibaca kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini;

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1989.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim.

Puan Rokiah binti Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan. No. 1.

SKIM PAMPASAN TANAMAN TEMBAKAU

1. **Puan Rokiah binti Zainudin [di bawah S.0.23(2)]** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan hasil penyelidikan untuk mewujudkan Skim Pampasan Tanaman Tembakau dan apakah matlamat utama untuk mewujudkan skim yang tersebut.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Alias bin Md. Ali]: Tuan Yang di-Pertua, matlamat utama Skim Pampasan Tanaman. Tembakau ialah bagi membantu atau mengurangkan beban kerugian penanam-penanam apabila berlaku kerosakan kepada tanaman tembakau disebabkan oleh bencana alam seperti banjir dan sebagainya. Disebabkan tanaman

tembakau adalah merupakan satu tanaman yang risikonya amat tinggi kerana ianya adalah sensitif kepada keadaan cuaca, maka satu kajian untuk mewujudkan Skim Pampasan Tanaman Tembakau telah dijalankan. Walau bagaimanapun hasil kajian yang dibuat menunjukkan bahawa Skim ini menimbulkan pelbagai masalah pelaksanaan umpamanya dari segi pembiayaan, kedudukan tanaman yang bertaburan dan yang lebih penting sekali ialah masalah penerimaan skim pampasan ini oleh penanam-penanam tembakau sendiri.

Sebagai pilihan lain, skim-skim lain yang difikirkan lebih sesuai untuk dilaksanakan dan mempunyai matlamat yang hampir serupa iaitu untuk membantu atau mengurangkan beban kewangan penanam-penanam tembakau yang mengalami kerosakan tanaman kerana bencana alam telah juga dikaji. Skim-skim tersebut ialah Skim Simpanan. Wang Penanam-penanam Tembakau dan Skim Tabung Kebajikan Industri Tembakau. Walau bagaimanapun kedua-dua skim ini juga didapati menghadapi pelbagai masalah pelaksanaan. Oleh yang demikian setakat ini belum ada skim tertentu seumpamanya yang dapat diwujudkan. Sungguhpun begitu, cara-cara lain bagi mengurangkan risiko kerosakan tanaman akibat bencana alam adalah dirancangkan. Bagi maksud ini Kementerian Perusahaan Utama dengan kerjasama agensi Kerajaan yang berkaitan akan memberikan perhatian yang lebih dalam usaha mengadakan infrastruktur yang tertentu seperti skim pamaritan, pengairan dan sebagainya di kawasan-kawasan tanaman tembakau.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan bin Harun.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.2.

MAHASISWA BUMIPUTERA DI PUSAT PENGAJIAN TINGGI

2. **Tuan Tan Chai Ho [di bawah 5.0.23(2)]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah mahasiswa Bumiputera di Pusat-pusat Pengajian Tinggi yang tidak mendapat bantuan kewangan sama ada bentuk pinjaman atau biasiswa sekarang; dan
- (b) adakah di antara mereka yang terpaksa berhenti belajar kerana masalah kewangan. Dalam konteks ini apakah dasar dan kriteria Kerajaan dalam pemberian biasiswa atau pinjaman sekarang.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Dasar pemberian biasiswa dan, pinjaman Kementerian Pendidikan kepada pelajar-pelajar adalah berasaskan kepada keperluan tenaga terlatih yang diperlukan dalam Perkhidmatan Pendidikan. Biasiswa dan pinjaman hanya ditawarkan kepada pelajar-pelajar yang akan mengikuti kursus-kursus yang diperlukan oleh Kementerian Pendidikan sahaja.
- (b) Tawaran biasiswa adalah dikhaskan kepada pelajar-pelajar yang memperolehi keputusan akademik yang cemerlang dan aktif dalam kegiatan ko-kurikulum dan tawaran pinjaman adalah dengan mengambil kira latar belakang sosio-ekonomi pelajar, prestasi akademik dan kegiatan ko-kurikulum.

RUMAH ANAK YATIM/RUMAH ORANG TUA

3. **Tuan P. Balaram** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan bahawa berapa banyakkah rumah-rumah anak yatim dan rumah orang-orang tua (Old Folks Home) terdapat dalam negara kita. Di antaranya berapakah di bawah pengurusan pihak Kerajaan dan berapakah diuruskan oleh badan-badan sukarela. Setakat manakah bantuan dan pengawasan Kerajaan ke atas rumah-rumah tersebut yang dianjurkan oleh badan-badan sukarela.

Setiasaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, di negara ini terdapat 36 buah rumah kanak-kanak dan 172 buah rumah bagi orang-orang tua. Sebanyak 6 buah daripada jumlah rumah kanak-kanak tersebut adalah institusi Kerajaan dan bakinya sebanyak 30 buah adalah di bawah badan-badan sukarela. Berhubung dengan rumah orang tua, 14 buah daripada jumlahnya ialah institusi Kerajaan dan bakinya sebanyak 158 buah adalah di bawah badan-badan sukarela.

Bantuan yang diberi kepada badan-badan sukarela tersebut adalah dari segi perkhidmatan perundingan, nasihat dan bimbingan dalam bidang pengurusan institusi dan kebajikan penghuni untuk membolehkan badan-badan sukarela yang berkenaan bergerak dengan licin, teratur dan berkesan. Selain dari itu, bantuan geran tahunan juga diberikan kepada badan-badan yang didapati memerlukan bantuan kewangannya untuk membiayai kos makanan bagi penghuni-penghuni.

Dari segi pengawasan, Pegawai-pegawai Kementerian membuat lawatan seliaan dari masa ke semasa serta turut hadir dalam sebarang mesyuarat Lembaga Pengurus institusi tersebut sama ada selaku penasihat ataupun ahli "ex-officio" untuk membantu dalam pengurusan tersebut.

Di samping itu, segala kegiatan atau projek kutipan derma yang dianjurkan oleh institusi-institusi tersebut adalah juga diawasi oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat.

HAL EHWAL BURUH - TANGGUNGJAWAB PERSEKUTUAN

4. **Tuan Azumu bin Tak** minta Menteri Buruh memberitahu siapakah yang bertanggungjawab tentang masalah buruh di peringkat negeri kerana memandangkan tidak ada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang dilantik tentang hal tersebut.

Timbalan Menteri Buruh [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:

Tuan Yang di-Pertua, hal ehwal buruh adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan seperti termaktub dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dan oleh itu masalah yang berkaitan dengan perburuhan adalah dikendalikan di bawah Kementerian Buruh. Bagi menunaikan tanggungjawab ini, Kementerian Buruh mempunyai pejabat-pejabat di peringkat Negeri dan Daerah yang menjalankan fungsi-fungsi Kementerian mengenai segala hal ehwal perburuhan khususnya untuk memberi perkhidmatan secara langsung kepada orang ramai. Oleh yang demikian, soal melantik seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Negeri untuk bertanggungjawab ke atas masalah buruh tidak berbangkit. Walau bagaimanapun, Kerajaan-kerajaan Negeri tidak dihalang daripada melantik seorang Ahli Majlis Mesyuarat untuk membantu dalam menyelaraskan hal ehwal buruh di peringkat Negeri jika difikirkan perlu.

TRAGEDI KERACUNAN MENYEBABKAN KEMATIAH DI PERAK

5. **Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak** minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh manakah kes keracunan di Perak yang meragut 14 orang berpunca dari jenis makanan yang menggunakan bahan pengawet yang berlebihan khususnya dari kilang pembuat mee. Apakah hasil siasatan yang telah dibuat dan langkah-langkah yang telah diambil bagi mengelakkan sebarang kes keracunan dari berlaku lagi.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan statistik yang disebutkan dalam soalan iaitu yang meninggal adalah seramai 14 orang, bukan 11.

Hasil siasatan jelas menunjukkan bahawa keracunan disebabkan memakan sejenis mee iaitu 'Loh See Fun' yang telah tercemar. Ujian ke atas mangsa-mangsa telah mengesan dua jenis racun iaitu aflatoxin dan asid borik. Walau bagaimanapun, hasil ujian makmal yang muktamad di atas contoh-contoh tisu dan sebagainya dari United Kingdom masih ditunggu untuk mengesan punca yang sebenar.

Langkah-langkah yang telah diambil termasuklah memastikan setia pengimport, pengusaha, pengedar dan penjual makanan mematuhi perundangan makanan di negara kita. Penekanan terhadap kebersihan premis dan pengendalian makanan diutamakan dalam pemeriksaan premis-premis makanan oleh pegawai-pegawai berkuasa di bawah Akta Makanan, 1983 dan Undang-undang Kerajaan Tempatan. Tindakan undang-undang akan diambil ke atas pengimport, pengusaha, pengedar ataupun penjual yang melanggar Akta Makanan, 1983 itu dan Peraturan-peraturan Makanan, 1985.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, adakah cadangan daripada Kementerian Kesihatan supaya menggunakan 'rubber gloves' apabila mereka menyediakan makanan?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, pengamalan yang baik dalam pengendalian makanan memang memerlukan memakai sarung tangan khasnya kepada mereka yang mengendalikan atau memberi (serve) makanan kepada orang ramai. Pengamalan ini sedang digalakkan.

Tuan Tan Chai Ho: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan adakah Kerajaan bercadang memberi pampasan kepada 14 buah keluarga yang anak mereka mati disebabkan keracunan makanan?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apakah asas cadangan itu.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah saya minta Timbalan Menteri menjelaskan adakah Kerajaan bercadang memberi pampasan kepada 14 buah keluarga yang anak mereka mati disebabkan keracunan makanan?

Dato' K. Pathamanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya memang faham soalnya. Pertanyaan saya sebagai penjelasan adalah apakah asas cadangan itu?

PROTON SAGA - EKSPORT KE AMERIKA SYARIKAT

6. **Tun Haji Hamid Araby bin Md. Salih** minta Perdana Menteri menyatakan tentang bilangan kereta Proton Saga yang telah ditempah oleh Briklin Industries Incorporation, sebuah syarikat di Amerika Syarikat sehingga hujung bulan Oktober 1988 ini, benarkah Proton Saga yang diguna di jalanraya di Malaysia perlu dibuat beberapa penyesuaian, sesuai dengan iklim dan keselamatan jalanraya di Amerika Syarikat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Tuan Adam bin Abdul Kadir]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Perdana Menteri.

Sehingga penghujung bulan Oktober 1988, kereta Proton Saga belum lagi dieksport ke Amerika Syarikat. Bagaimanapun, usaha-usaha ke arah itu sedang dijalankan. Dengan itu, soal tempahan belum lagi dibereskan. Memang benar sebelum kereta Proton Saga dieksport ke Amerika Syarikat, beberapa penyesuaian perlu dibuat dahulu bagi memenuhi peraturan-peraturan negara tersebut seperti piawaian keselamatan, sistem kawalan gas buangan atau emission control, dengan izin, dan sistem pandu sebelah kiri.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Maksud atau tujuan yang saya tanya soalan di sini kerana kita tengok heboh sungguh dalam suratkhbar, dalam majallah, dalam **Business Times** dan sebagainya. Jadi bagi saya, saya hairan sungguh mengapa sehingga ke kini kereta kita tidak dapat dieksportkan. Apakah yang menjadi masalah ataupun yang sebenarnya timbul tentang mengeksport kereta-kereta ke Amerika Syarikat itu?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada sebab-sebab yang saya berikan tadi, ada juga syarat-syarat yang dikenakan yang berkaitan dengan apa yang dipanggilkan soal-soal yang berkaitan dengan persaingan motokar-motokar yang diimport ke Amerika, umpamanya ada sebuah lagi saingan yang kuat yang bernama "Pony" daripada Amerika Syarikat. Jadi piawaian seperti itulah hendak dikenakan terhadap import Proton Saga daripada negara kita.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Pertama saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat yang menjawab bagi pihak Perdana Menteri. Saya ingin tahu walaupun tempahan belum lagi dibuat oleh negara Eropah, sudahkah rundingan terhadap negara Eropah dengan negara kita mengenai masalah Proton Saga ini?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan asal itu berkaitan dengan import Proton Saga ke Amerika Syarikat, dan soalan daripada Yang Berhormat yang kita kasihi daripada Batu itu berkenaan dengan Eropah. Bagaimanapun, saya percaya tiap-tiap perniagaan itu mesti ada rundingan dahulu sepertimana juga rundingan kalau hendak berumahtangga mesti ada rundingan dahulu.

ASEAN SYARAT JADI AHLI

7. **Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sama ada Asean masih lagi membuka pintu kepada negara-negara di rantau ini untuk menjadi ahli pertubuhan tersebut;
- (b) apakah syarat-syarat untuk menjadi Ahli ASEAN;
- (c) perkembangan sebenar mengenai kemungkinan Papua New Guinea menjadi Ahli ASEAN; dan
- (d) sama ada lain-lain negara telah membuktikan minat untuk menjadi Ahli ASEAN.

Menteri Luar Negeri [Dato' Abu Hassan bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab:

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia **ini**, Deklarasi ASEAN tahun 1967 di Bangkok telah menetapkan bahawa keanggotaan dalam pertubuhan ASEAN terbuka kepada semua negara yang berada di rantau Asia Tenggara

yang sanggup menerima tujuan, prinsip dan matlamat pertubuhan ini seperti yang termaktub di dalam Deklarasi tersebut, terutamanya kerjasama ke arah mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi, kemajuan sosial dan pembangunan kebudayaan demi untuk kesejahteraan dan keamanan pertubuhan ASEAN di rantau ini.

- (b) mengenai syarat-syarat menjadi Ahli ASEAN syarat-syarat ini adalah seperti berikut:
- (1) Mematuhi tujuan, prinsip dan matlamat ASEAN mengikut Deklarasi Bangkok tahun 1967.
 - (2) Menerima atau mengikuti asas-asas perjanjian dan Deklarasi ASEAN seperti:
 - (i) Deklarasi mengenai Zon Aman, Bebas dan Berkekcuali (ZOPFAN);
 - (ii) perjanjian Persahabatan dan Kerjasama;
 - (iii) Deklarasi Konkord ASEAN; dan
 - (iv) Perjanjian mengenai Pertubuhan Urusetia ASEAN.
 - (3) Perjanjian tambahan boleh dimasukkan secara berperingkat bila sesuai.
 - (4) Keahlian ASEAN hanya terbuka kepada negara-negara di rantau Asia Tenggara sahaja.

- (5) Kemasukkan sesuatu ahli baru ke dalam ASEAN adalah berdasarkan kepada keputusan penilaian bersama dari kesemua negara anggota ASEAN, sama ada ianya dapat meninggi dan menyatupadukan bidang-bidang kerjasama ASEAN dan mempertingkatkan lagi status antarabangsa serta kedudukan pertubuhan ASEAN pada keseluruhannya.
 - (6) Keahlian ASEAN mestilah dibuat secara permohonan dan mengalamatkan surat permohonan tersebut kepada Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN.
 - (7) Peraturan bagi kemasukan ahli baru dalam ASEAN akan dilaksanakan mengikut Deklarasi Bersama di antara negara-negara anggota ASEAN yang ada dengan ahli baru tersebut.
- (c) Papua New Guinea (PNG) telah menunjukkan keinginannya memasuki dan menandatangani satu daripada Perjanjian dan Deklarasi ASEAN, iaitu Perjanjian Persahabatan dan

Kerjasama di Asia Tenggara bagi tahun 1976. Suatu Protokol telah digubal untuk membolehkan kemasukan negara-negara berhampiran dengan Asia Tenggara seperti PNG menjadi ahli kepada Perjanjian tersebut. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sejak tahun 1976, PNG telah menghadiri Mesyuarat-mesyuarat Menteri-menteri ASEAN sebagai pemerhati.

- (d) Setakat ini hanya Kerajaan Sri Lanka sahaja yang telah membuat permohonan untuk menjadi ahli ASEAN.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri sejauh manakah Yang Berhormat Menteri yakin bahawasanya kerjasama di antara negara-negara ASEAN ini akan akhirnya menghasilkan satu pakatan sepertimana pakatan negara-negara Eropah dalam masalah pasaran bersama?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kerjasama ekonomi di antara negara-negara ASEAN sentiasa wujud dan ianya dilaksanakan peringkat demi peringkat, akan tetapi sama ada ianya mencapai satu tahap seperti Negara-negara Ekonomi Eropah, ini belum dapat dipastikan kerana setakat ini belum ada cadangan untuk berbuat demikian.

Datuk Haji Nasir bin Haji Manap: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang dimaklumkan permohonan daripada negara-negara yang tertentu boleh memohon untuk memasuki ASEAN, dan

mesti diterima oleh negara-negara anggota.

Soalan saya, adakah kesemua negara-negara anggota ASEAN bersetuju baru diterima ataupun sebahagian besar daripada negara-negara anggota ASEAN bersetuju dan sebahagian kecil tidak bersetuju. Adakah itu diterima?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengikut amalan dan juga perjanjian Deklarasi Bangkok yang saya sebutkan sebentar tadi bahawa semua anggota ASEAN mestilah mempersetujui sebelum satu negara menjadi ahli yang baru.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, soalan saya ini ada bersangkutan dengan soalan (a) daripada soalan asal ini, iaitu dari segi definisi rantau Asia Tenggara ini sendiri, kerana dari segi jiwa politik selalu timbul kekeliruan. Jadi maksud saya di sini oleh kerana negara-negara di rantau Asia Tenggara ini layak menjadi ahli, asal-kan dia bersetuju dengan syarat-syarat yang telah dikenakan dan diterima oleh anggota-anggota lain. Jadi berdasarkan ini apa-apakah lagi negara-negara di rantau Asia Tenggara selain daripada 6 yang sudah menjadi ahli ini yang ada kelayakan.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut pengetahuan ilmu alam masa saya sekolah dahulu, saya berpendapat bahawa negara-negara rantau Asia Tenggara selain daripada 6 ini termasuklah negara-negara di Indo China, iaitu Kampuchea, Vietnam, Laos dan juga Burma.

SKIM BANTUAN RUMAH RAKYAT

8. **Tuan Haji Jaafar bin Harun** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah yang dikatakan "Skim Bantuan Rumah Rakyat". Bilakah Skim ini dimulakan dan bagaimanakah cara bantuan diberikan untuk pelaksanaannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Tuan Mohamed bin Jamrah]: Tuan Yang di-Pertua, saya jangka "Skim Bantuan Rumah Rakyat" yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu adalah "Program Pemulihan Rumah" di bawah Rancangan Pemulihan Kampung (RPK). Program Pemulihan Rumah tersebut telah dilaksanakan dari tahun 1979 hingga 1984, pada kampung-kampung yang masih mundur di seluruh negara. Rumah-rumah yang dhaif dan tidak setamat didiami dikenalpasti terlebih dahulu oleh Pejabat Daerah dengan kerjasama Ketua Kampung ataupun (JKKK). Bantuan pemulihan yang diberikan berupa bahan-bahan binaan seperti kayu, papan dan atap berdasarkan keperluan dan keadaan rumah-rumah yang didapati layak. Pembinaannya dilaksanakan melalui gotong-royong penduduk-penduduk tempatan.

Kerajaan bercadang menghidupkan semula Program tersebut, tetapi kali ini akan dikhususkan kepada golongan termiskin sahaja untuk memulih dan membina semula rumah-rumah mereka yang dhaif dan tidak selamat didiami. Kementerian sedang menyediakan peraturan bagi Program ini untuk dilaksanakan dalam tahun 1989.

PELABURAN NEGARA KESATUAN EROPAH

9. Tuan Azman Atar bin Othman minta Menteri Perdagangan dan perindustrian menyatakan kadar pelaburan syarikat-syarikat di kalangan negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah di Malaysia kini dan jumlah penawaran peluang pekerjaan yang telah diwujudkan kepada anak tempatan serta jumlah ekuiti syarikat yang dipegang oleh syarikat atau pelabur tempatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

[Tuan M.G. Pandithan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut kajian yang dijalankan oleh MIDA mengenai syarikat-syarikat yang sedang di dalam pengeluaran setakat 31.12.1987, kadar pelaburan syarikat-syarikat di kalangan negara-negara Kesatuan Eropah di Malaysia kini adalah sebanyak \$1,719.6 juta, sementara jumlah peluang pekerjaan yang telah diwujudkan kepada anak tempatan adalah sebanyak 71,383 pekerjaan. Jumlah ekuiti syarikat tempatan pula berjumlah, \$3,9,05.1 juta.

KWSP - CARUMAN PEKERJA

10. **Tuan Tan Chai Ho** minta Menteri Kewangan menjelaskan:

- (a) berapa orang majikan telah didakwa di Mahkamah disebabkan gagal membayar EPF;
- (b) berapa jumlah EPF yang masih belum dibayar dari tahun 1985 hingga 1987,

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab,

- (a) Bagi tempoh 1985 hingga 1987, 3,788 majikan telah didakwa di mahkamah mengikut seksyen 16A sub-seksyen (1)(c) Akta KWSP 1951 (Pindaan 1986) atas sebab-sebab kegagalan membayar caruman KWSP pekerja-pekerja mereka.
- (b) Bagi tempoh 1985 hingga 1987, jumlah caruman yang tertunggak ataupun masih belum dibayar oleh majikan-majikan ialah \$228,840,837.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan mengapa setengah-setengah majikan gagal membayar KWSP untuk pekerja mereka. Adakah ini disebabkan mereka mengalami kesulitan kewangan atau sebab-sebab lain?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kita tidak boleh menentukan apakah sebab yang menyebabkan majikan gagal membayar caruman KWSP ke pejabat KWSP tetapi yang kita harapkan ialah mereka telah memotong bahagian pekerja-pekerja mereka dan dicampur dengan bahagian majikan perlu bersama-sama potongan tersebut dihantar ke KWSP.

Ini mereka telahpun ada kaitan dengan kurang amanah ataupun kurang tanggungjawab untuk menjalankan tugas mereka. Jika sekiranya mereka tidak menjalankan tanggungjawab mereka mengikut undang-undang maka KWSP akan mengambil tindakan undang-undang ke atas mereka dan sebahagian besar daripada majikan-majikan yang telah gagal menghantar wang ini ke pejabat KWSP telahpun didakwa dan untuk makluman Yang Berhormat, tahun 1985 jumlah yang didakwa ialah 1,135 majikan, tahun 1986, 1,081 majikan dan tahun 1987, 1,572 majikan yang berjumlah pada hari ini ketiga-tiga tahunnya ialah caruman yang masih belum berbayar \$288,840,837.

Mungkin salah satu sebab ialah oleh kerana mereka tidak mempunyai satu sistem kawalan wang tunai mereka yang baik tetapi pada umumnya ini adalah menjadi tanggungjawab tiap-tiap majikan untuk menghantar caruman KWSP itu ke Ibu Pejabat KWSP. Sebab-sebab lain mungkin syarikat-syarikat ataupun majikan mereka itu sendiri yang tahu.

Tuan V.K. Sellappan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kelambatan majikan membayar KWSP dalam masa yang ditentukan menyebabkan kadar bunga tidak dapat dikira bagi tempoh masa tersebut. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan memberi penjelasan siapakah yang bertanggungjawab akan kadar bunga tersebut jika majikan membayar selepas tempoh masa yang ditentukan dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya maklumkan, kegagalan untuk menghantar wang KWSP itu adalah di atas bahu majikan tertentu, sekali pun Kerajaan tidak akan bertanggungjawab atas sesuatu kegagalan yang ditanggung oleh orang lain, oleh kerana itu maka tanggungjawab majikan untuk menentukan bahawa wang KWSP itu dihantar. Jika sekiranya faedah yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak dimasukkan atau tidak boleh dikira oleh kerana mereka tidak menghantar, maka aduan-aduan boleh dibuat kepada KWSP dan kita akan mengambil tindakan-tindakan undang-undang yang saya sebutkan tadi. Tentu sekali Yang Berhormat bersetuju dengan saya, dengan izin, "We cannot shife the responsibility of one person to another person".

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, adakah Kementerian Kewangan bercadang untuk mengadakan peruntukan dalam Akta KWSP untuk hukuman yang lebih berat termasuk penjara bagi majikan-majikan yang tidak membayar caruraan kepada KWSP selepas potongan caruman pekerja dari gaji mereka?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya masalah tidak menghantar caruman KWSP menjadi-jadi dan mengakibatkan banyak pekerja-pekerja dan sekiranya dapat sokongan dari Dewan Rakyat dan Dewan Negara, insya Allah, undang-undang yang lebih ketat mungkin akan dibawa untuk diluluskan.

PEMULIHAN PENAGIH DADAH

11. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) berapakah bilangan pusat jagaan lanjutan kes pemulihan penagih dadah di seluruh negara sekarang;
- (b) berapa ramaikah bilangan penagih-penagih dadah yang ada di pusat-pusat jagaan lanjutan di tiap-tiap negeri dan berapa jumlah kos perbelanjaan ditanggung oleh Kerajaan pada satu tahun untuk urusan pusat-pusat tersebut;
- (c) berapa ramaikah bilangan kes penagih dadah yang dalam tahanan untuk dibicarakan dan pesalah yang dikenakan menunggu hukum gantung; dan
- (d) adakah bilangan penagih dadah di negara kita ini agak sudah berkurangan jika dibandingkan dari dahulu atau sebaliknya, jika benar berkurangan sekarang ini adakah kerana Malaysia melaksanakan undang-undang yang lebih ketat terhadap penyeludup dadah di negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat

Ayob]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan Pusat Jagaan Lanjutan yang sedang beroperasi sehingga hujung bulan Oktober ini ialah 16 buah.
- (b) Bilangan kes yang ditempatkan di, Pusat-pusat. Jagaan Lanjutan adalah sebagaimana berikut:-

Negeri	Bil. Pusat	Bil. Pelatih
		(orang)
1. Wilayah Persekutuan	2	90
2. Selangor	2	45
3. Pulau Pinang	2	40
4. Negeri Sembilan	3	50
5. Perak	2	35
6. Kelantan	1	15
7. Pahang	2	35
8. Johor	1	15
9. Melaka	1	15
Jumlah	16	340 orang

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap Pusat tersebut boleh menempatkan seramai 50 orang pelatih. Tetapi oleh kerana kebanyakan daripada Pusat-pusat tersebut masih lagi dalam proses pengubahsuaian dan memperlengkapkan kemudahan, maka penempatan kes-kes belum lagi mencapai muatan yang sebenar.

Kos purata untuk mengendalikan sebuah Pusat Jagaan Lanjutan yang boleh menampung seramai 50 orang pelatih ialah \$145,000 setahun.

- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kes penagih dadah yang berada dalam tahanan untuk dibicarakan setakat 31.10.88 ialah seramai 1,955 orang. Manakala bilangan pesalah dadah iaitu pengedar yang menunggu hukuman gantung ialah seramai 136'orang. Mereka ini telah dihukum di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya, 1952.
- (d) Jumlah penagih yang telah dikenalpasti dalam tahun 1970 sehingga Jun 1988 ialah seramai 133,392 orang. Bilangan penagih baru yang dikesan sejak tahun-tahun kebelakangan ini memang telah berkurangan jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya. Jumlah penagih, baru yang dikesan dalam tahun 1983 ialah 14,624 orang, tetapi bilangan ini telah menurun ke angka 11,914 dalam tahun 1984, 9,591 orang dalam tahun 1985, 7,329 orang dalam tahun 1986 dan 7,596 orang dalam tahun 1987. Ini bermakna Kempen Anti Dadah Kebangsaan yang dilancarkan pada awal 1983 dan tindakan agensi-agensi penguatkuasa terhadap penagih-penagih mulai memberi kesan yang meng-

galakkan. Adalah tidak dapat dinafikan bahawa pengurangan bilangan penagih ini adalah disebabkan oleh tindakan-tindakan tegas yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal dan mencegah dadah. Ini termasuk tindakan-tindakan perundangan dan penguatkuasaan, rawatan dan pemulihan, pendidikan pencegahan dan peneranga serta kerjasama antarabangsa.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan, di samping Kerajaan membelanjakan untuk penagih-penagih dadah ini, ada tidak Kerajaan menyediakan satu tabung khas daripada derma orang ramai. Kalau sekiranya ada, berapa peratuskah dalam satu tahun derma daripada orang ramai untuk menampung perbelanjaan ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Pusat-pusat Jagaan Lanjutan dan juga Pusat-pusat Seranti adalah merupakan di bawah tajaan Kementerian Dalam Negeri maka bentuk-bentuk derma yang telah diberi oleh orang ramai bukanlah berbentuk wang ringgit tetapi berbentuk barang-barang seperti batu bata, simen, asbestos, makanan dan juga kelengkapan permainan.

Namun begitu bagi derma-derma orang ramai, kebanyakan disalurkan kepada PEMADAM yang mana kalau kita lihat perbelanjaan PEMADAM tahun ini hampir \$700,000. Kerajaan hanya membiayai sebanyak \$100,000 setahun. Dengan sebab itu jumlah yang telah diterima oleh PEMADAM untuk mencegah dadah ialah lebih kurang \$600,000.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada peruntukan oleh Kerajaan, tidakkah terdapat sumber pendapatan dari penagih ini sendiri seperti di bidang pertanian ataupun kerja-kerja kraftangan yang boleh didapati daripada penagih-penagih yang dipilih ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, memang hasrat Kerajaan terutama di Pusat-pusat Penjagaan lanjutan agar segala jenis makanan yang dimakan oleh pelatih-pelatih ini adalah hasil titik peluh mereka sendiri, seperti kalau mereka makan ayam adalah dipelihara oleh mereka, sayur-sayuran yang ditanam oleh mereka. Begitu juga bagi kawasan-kawasan yang benar sedikit mungkin jajung dan juga padi kita galakkan seperti mana di Bukit Mertajam. Memang benar, banyak daripada perkara-perkara ini adalah dihasilkan oleh pelatih-pelatih sendiri. Tetapi oleh kerana kadangkala pusat-pusat lanjutan ini, tanah yang diberi atau kawasan yang diberi terlalu kecil untuk berusaha maka tidak dapatlah kita menjalankan usaha yang benar-benar boleh menampung perbelanjaan pusat-pusat tersebut.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri soalan tambahan kepada soalan (c) iaitu

daripada bilangan kes penagih dadah dalam tahanan untuk dibicarakan dan pesalah-pesalah yang dikenakan menunggu hukum gantung ini, berapa ramaikah rakyat asing dan daripada negara manakah mereka?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon maaf kerana tidak ada pecahan yang dapat saya tunjukkan di sini.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu dalam jawapannya tadi mengatakan yang telah dihukum masih ada dalam simpanan. Apakah sebab-sebab banduan yang telah dihukum gantung itu masih disimpan dalam penjara? Tidakkah ini memberatkan kepada pegawai-pegawai di Penjara?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jumlah yang telah digantung sejak Akta ini diluluskan ialah seramai 73 orang. Tetapi jumlah yang menunggu rayuan ialah 136 orang. Hukuman mereka yang telah diringan atau diampun ialah 17 orang. Oleh kerana kita mempunyai proses undang-undang yang tertentu di mana kita boleh memberi peluang kepada yang telah dihukum untuk merayu, itulah sebabnya maka penggantungan tidak dapat dijalankan.

KEMPEN ANTI MINYAK KELAPA SAWIT

12. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sedang pihak Kementerian berusaha untuk memerangi ancaman daayah anti minyak kelapa sawit di U.S.A. dan E.E.C. Kerajaan juga membenar pengimportan minyak kacang soya, minyak kacang, minyak jagung, minyak sunflower ke negara ini. Apakah ini tidak menjejaskan pasaran minyak kelapa sawit di pasaran tempatan. Dianggar lebih dari 30 % minyak masak tempatan adalah dari unsur luar negeri. apakah tindakan Kerajaan tentang trend ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Alias bin Md. Ali]:

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Kerajaan masih memerangi kempen anti minyak sawit yang ditaja oleh Persatuan Kacang Soya Amerika Syarikat iaiatu (ASA), Kerajaan tidak bermaksud hendak menyekat sebarang kemasukan minyak sayur-sayuran yang lain seperti minyak kacang soya, minyak kacang, minyak biji matahari dan sebagainya. Ini adalah sejajar dengan dasar perdagangan bebas yang menggalakkan persaingan sihat terhadap meningkatkan lagi kecekapan dan mutu pengeluaran pengusaha-pengusaha tempatan. Kemasukan minyak makan seperti ini juga membolehkan orang ramai memilih apa juga minyak makan yang mereka sukai di samping minyak kelapa sawit keluaran negara sendiri. Sebahagian daripada minyak makan lain yang diimport ini digunakan sebagai adunan dengan minyak kelapa sawit bagi memenuhi cita rasa sebahagian pengguna-pengguna tempatan. Walaupun terdapat kemasukan minyak makan lain ke negara ini, Kerajaan percaya minyak kelapa sawit masih lagi merupakan pilihan utama penggunaan-penggunaan tempatan memandangkan tahap harga yang ekonomik di samping mempunyai kandungan kesihatan makanan yang baik. Kerajaan tidak bercadang untuk menghalang import minyak sayur-sayuran dan lemak-lemak lain. Namun demikian ianya adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan import yang sedia ada termasuklah penganan cukai import mengikut kadar yang ditetapkan dari masa ke semasa.

Bagi menggalakkan penggunaan minyak kelapa sawit, Kerajaan melalui kempen kebangsaan minyak kelapa sawit akan terus mempergiatkan usaha-usaha untuk meningkatkan lagi pengetahuan dan kesedaran rakyat akan kelebihan nilai pemakanan yang terdapat di dalam minyak kelapa sawit.

Tuan Haji Shaharom bin Maasom: Soalan tambahan. Benarkah sehingga sekarang ini Kerajaan kita belum pernah menghantar satu rombongan rasmi dari Kerajaan kepada negara Iran untuk menjual minyak dan mengatakan kelebihan minyak kelapa sawit ke negeri Iran. Kalau benar, bila Kerajaan bercadang untuk menghantar rombongan rasmi.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua beberapa tahun yang lalu, satu rombongan yang diketuai oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama pada ketika itu telahpun melawat Iran dan saya tidak ingat tarikh yang sebenarnya. Tetapi sejak akhir-akhir ini memang tidak ada, tetapi apa yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan, Iran ialah membebaskan kemasukan minyak kelapa sawit ke negara Iran dan membatalkan keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Shah pada zaman dahulu.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, soalan berkaitan iaitu mengenai kedudukan industri minyak kelapa, apakah kedudukan industri minyak kelapa sekarang dalam pasaran?

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini agak umum. Saya tidak tahu aspek mana perusahaan minyak kelapa sawit ini yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. Tetapi pada keseluruhannya perusahaan minyak kelapa sawit berkembang dengan baik pada masa ini dan mendapat harga yang berpatutan. Walau bagaimanapun, kalau maksud Ahli Yang Berhormat itu ialah kilang penapis minyak kelapa sawit maka bolehlah saya jelaskan di sini iaitu kilang-kilang ini menghadapi sedikit masalah oleh kerana terlampau banyak kilang didirikan pada satu ketika sehingga sukar mereka untuk mendapat minyak mentah dan sampai sekarang ini pun kita belum dapat

menyelesaikan masalah apa yang kita panggil saturated situation dalam perusahaan penapisan minyak kelapa sawit.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, bolehkah beritahu Dewan ini, saya difahamkan Ahli-ahli Sains di Amerika Syarikat telahpun buat satu research mengenai cholestoral dalam minyak kelapa sawit. Sekiranya mereka telah buat research itu, adakah Kerajaan dan Kementerian Perusahaan Utama telahpun dapat keputusan research itu?

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 6 kajian mengenai khasiat pemakanan minyak kelapa sawit sedang dilakukan di institusi-institusi di Amerika Syarikat dan hasil daripada satu daripada kajian itu telahpun diumumkan dan kajian itu menunjukkan bahawa kandungan cholestoral di dalam minyak kelapa sawit boleh diimbangi dengan terdapatnya ciri-ciri lain seperti Vitamin E yang akan dapat mengimbangi adanya kandungan cholestoral di dalam minyak kelapa sawit dan bererti minyak kelapa sawit adalah baik untuk kesihatan manusia.

KEMBARA TIGA JUITA - PROGRAM KHAS DEEPAVALI

13. Dr. Nordin Selat minta Menteri Penerangan menjelaskan kenapa-kah perlu anggota RTM pergi ke India bagi merakamkan program khas untuk Deepavali. Adakah Kementerian bercadang hendak ke negeri China pula untuk membuat program bagi Tahun Baru Cina nanti.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, Rancangan "Kembara Tiga Juita" yang disiarkan pada hari Deepavali yang lepas bukanlah terbitan RTM. RTM tidak pernah menghantar mana-mana anggotanya ke negeri India bagi merakamkan mana-mana program yang dikhaskan. Apa yang disiarkaa oleh RTM pada hari Deepavali yang lepas adalah satu rancangan yang diterbikan oleh syarikat swasta tempatan. Rancangan itu telah dibeli oleh RTM seperti juga pembelian atau penyewaan filem-filem dan video seperti yang dilakukan pada biasanya dan ia sesuai dengan keperluan rancangan untuk hari Deepavali. Soal menghantar anggota RTM untuk membuat rancangan ke India atau negeri China adalah tidak timbul sama sekali.

LAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KE VIETNAM

14. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil rundingan yang telah diperolehi oleh Timbalan Perdana Menteri di dalam siri lawatan beliau ke Vietnam, baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang,

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah dijawab.

TUKUN TIRUAN - KEJAYAAN KEMPEN

15. **Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** minta Menteri Pertanian menyatakan sejak kempen tukun tiruan dilancarkan di beberapa tempat di perairan Malaysia, bolehkah Menteri menerangkan apakah kemajuan, yang boleh dibanggakan oleh nelayan dan negara.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Alexander Yu Lung Lee:] Tuan Yang di-Pertua, tukun tiruan yang dijalankan mempunyai dua objektif iaitu;

- (a) menambahkan/meningkatkan sumber perikanan;
- (b) memulihkan stok sumber perikanan yang semakin pupus.

Semenjak kempen dilancarkan, sebanyak 975,906 biji tayar dikutip dan 534,400 biji dilancarkan di mana 15 buah tukun telah siap dibina dan 38 buah lagi sedang dibina.

Walaupun di peringkat permulaan pelancaran, dari kajian yang dijalankan, telah didapati ikan-ikan mula berkumpul, membiak dan berlindung di tukur-tukun tiruan. Juga terdapat maklumat dari nelayan bahawa hasil tangkapan di persekitaran kawasan tukun bertambah.

HOSPITAL BESAR DI SHAH ALAM - PEMBINAAN

16. **Dr. Hg Khok Kiung** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian berkenaan mempunyai sebarang rancangan atau peruntukan untuk membina sebuah Hospital Besar di Ibu Negeri Selangor Darul Ehsan iaitu Shah Alam; dan.
- (b) apakah jumlah peruntukan untuk projek tersebut dan bilakah ia akan dimulakan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang ada rancangan untuk membina sebuah hospital di Shah Alam, tetapi pelaksanaan projek ini tidak dapat diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Ini adalah disebabkan oleh peruntukan yang terhad kerana ada banyak hospital yang lain yang mempunyai keutamaan yang lebih tinggi.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan **meneliti** perkara ini semula dalam Rancangan Malaysia yang Keenam.

PENGANGKUTAN KENDERAAN SENDIRI - PENCIPTAAN

17. **Puan Hajjah Habidah binti Jusoh** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi menggalakkan rakyat kita mencipta pengangkutan kenderaan sendiri sesuai dengan kebebasan yang diajar kepada pelajar-pelajar kita di bidang sains dan teknologi yang begitu menggalakkan.

Menteri Pengangkutan [Dato Dr. Ling Liong Sik:] Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan. sememangnya menggalakkan rakyat supaya bergiat di dalam aktiviti-aktiviti mencipta dan merekabentuk dan ianya tidaklah tertumpu kepada sesuatu bidang sahaja, umpamanya bidang pengangkutan. Sebaliknya Kerajaan menggalakkan perekacipta dan perekabentuk di dalam semua bidang.

Bagi penciptaan di bidang pengangkutan atau kenderaan sendiri, Kementerian saya belum lagi ada skim khas untuk menggalakkan rakyat kita mencipta. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan ada mengeluarkan garis panduan bagi pengubahsuaian kenderaan di jalanraya yang boleh digunakan oleh sesiapa yang mempunyai daya cipta dan kecenderungan untuk mengubahsuai sesuatu kenderaan. Pengubahsuaian ini adalah tertakluk kepada keperluan mematuhi kehendak undang-undang berhubung dengan pembinaan, kelengkapan dan kegunaan kenderaan di jalanraya. Matlamat untuk Kementerian dalam mengawal pengubahsuaian kenderaan adalah untuk memastikan kenderaan yang telah diubahsuai itu selamat digunakan di jalanraya.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada beberapa orang petani di Muar dan Batu Pahat telah dapat mencipta satu jenis kenderaan yang boleh mengangkat barangan di kebun-kebun, manakala kenderaan yang dibeli, yang diimport dan modem itu tak boleh masuk ke situ, tetapi traktor yang dibuat oleh anak tempatan itu boleh mengangkat kelapasawit. Adakah Menteri bercadang tidak akan mengambil apa-apa tindakan dan akan mengecualikannya daripada cukai jalan atau cukai-cukai yang lain?

Dato Dr. Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar ada pencipta-pencipta di tanahair kita yang mencipta beberapa kenderaan yang boleh digunakan di tempat-tempat khas. Pada umumnya, saya ingin memberitahu iaitu jikalau sesuatu kenderaan tidak berjalan di atas jalanraya dan hanya berjalan di dalam sawah padi dan tanah-tanah persendirian, kenderaan itu tidak dikenakan cukai jalan.

Pada umumnya, Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara-negara yang membangun, pada lazimnya tanggungjawab untuk mencipta model-model atau kenderaan-kenderaan yang baru adalah ditanggung oleh syarikat-syarikat motor yang besar di mana sebahagian daripada keuntungan mereka diperuntukkan balik kepada R & D atau Penyelidikan dan Pembangunan. Bahagian keuntungan itu adalah untuk membeli alat-alat yang sofistikated, alat-alat,berkomputer dan mendapatkan orang-orang yang berkelayakan dari segi sains dan teknologi seperti jurutera automotif, jurutera mekanikal, rekabentuk, automatedan lain-lain. Saya berharap di masa akan datang apabila Syarikat Industri Berat Malaysia dapat keuntungan yang besar, sebahagian daripadanya bolehlah diperuntukkan untuk R & D di Malaysia.

KEBOCORAN SOALAN PEPERIKSAAN

18. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah fakta-fakta yang menyebabkan soalan-soalan peperiksaan bocor di Pulau Pinang yang mengakibatkan lebih 25,000 pelajar dari 200 buah sekolah tergendala untuk menjawab soalan-soalan peperiksaan.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan-soalan peperiksaan yang bocor di Pulau Pinang baru lalu ini ialah Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah (PKBS). PKBS pada hakikatnya adalah satu penilaian yang dijalankan di sekolah-sekolah pada tiap-tiap penggal bagi tahun satu hingga tahun enam, tetapi oleh kerana tahun 1988 merupakan tahun pertama dalam satu pusingan enam tahun, maka difikirkan perlu dibuat satu panduan kepada sekolah-sekolah rendah di Pulau Pinang.

Faktor-faktor yang menyebabkan kebocoran soalan-soalan peperiksaan PKBS di Pulau Pinang tersebut adalah kerana dalam proses memperbanyakkan soalan-soalan oleh guru-guru di peringkat sekolah supaya soalan-soalan tersebut dapat dijadikan contoh dan bahan Tabung Gunasama Bahan Penilaian, ada terdapat sekolah-sekolah yang tidak mematuhi arahan mengenai keselamatan terhadap soalan-soalan tersebut.

Soalan-soalan yang disediakan pada peringkat sekolah tidak dikawal dengan rapi dan tidak disimpan di tempat yang betul. Ini berpunca dari ketidakcukupan bekas-bekas keselamatan yang dibekalkan ke sekolah.

Walau bagaimanapun, memandangkan usaha ini tidak dapat dijalankan dengan licin, maka sekolah-sekolah telah diarah mengadakan peperiksaan PKBS masing-masing selaras dengan konsep PKBS yang asal.

LOMBONG EMAS YANG BEROPERASI

19. **Dr. Ng Khok Kiung** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) berapakah bilangan lombong emas yang masih beroperasi sekarang;

- (b) berapa buahkah syarikat telah diberi lesen untuk menjalankan operasi mencari-gali dan lombong emas di Malaysia; dan
- (c) apakah jumlah pendapatan yang dijangka diperolehi daripada perlombongan emas tersebut;

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian soalan (a), bilangan, lombong-lombong emas yang masih beroperasi di seluruh negara sehingga akhir bulan September 1988 ialah 30 buah.

Menjawab soalan (b), sehingga akhir bulan **Jun.** 1988, sejumlah 110 permit/lesen carigali telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat di negeri-negeri yang mempunyai lombong emas. Daripada jumlah ini sebanyak 26 syarikat telahpun memiliki lesen melombong emas pada akhir bulan September 1988.

Menjawab soalan (c), jumlah pendapatan yang diperolehi daripada keluaran lombong emas pada masa ini dianggarkan sejumlah S26.3 juta pada tahun 1988 ini.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Kementerian Perusahaan Utama tidak menyediakan pegawai tertentu bagi menentukan satu-satu kawasan itu ada emas atau tidak. Apabila ini berlaku orang-orang kampung mengerjakan kawasan itu seperti berlaku di Mersing, Johor dan juga di Rusila, Terengganu, barulah Kerajaan Negeri ini mengambil langkah-langkah di situ ada emas dan mengeluarkan peraturan-peraturan tertentu. Sebelum itu emas itu didulang ataupun dilombong secara persendirian.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, pihak Jabatan. Rajibumi sentiasa menjalankan kajian-kajian di seluruh negara untuk mengenal pasti kawasan-kawasan yang diketahui mempunyai potensi-potensi logam, bukan sahaja emas tetapi lain-lain logam. Dan dari masa ke semasa membuat laporan-laporan kepada Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa kawasan-kawasan yang mempunyai potensi logam tidak akan digunakan untuk tujuan pembangunan seperti pertanian dan sebagainya.

Dalam kes seperti di Rusila **ini**, apa yang sedang berlaku pihak Jabatan Kajibumi telahpun mengenal pasti kawasan tersebut sebagai kawasan yang berpotensi mengandungi bijih-bijih emas dan laporan mengenai perkara ini sedang disediakan oleh Jabatan yang berkenaan. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar untuk menahan orangramai daripada mendapatkan bijih-bijih ini di atas usaha dan daya usaha mereka sendiri seperti yang berlaku di Mersing dan di Rusila ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 20 hingga 37 adalah]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1989****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****3.33 ptg**

Menteri Kewangan [Dato' Paduka Daim Zainuddin]: Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan, untuk perkhidmatan bagi tahun 1989, dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu dibacakan bagi kali yang kedua.

EKONOMI MALAYSIA TAHUN 1988/89

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara kita sudah pulih dan sedang berkembang dengan memuaskan. Pada tahun 1988 kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar, atau KDNK dijangka mencapai 7.4% berbanding dengan 5.2% pada tahun 1987. Anggaran terakhir oleh sebuah badan penyelidik bebas iaitu Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia atau MIER menunjukkan bahawa ekonomi negara akan tumbuh pada kadar 8.2% pada tahun 1988, berikutan dari langkah-langkah yang diambil dalam Belanjawan 1989.

Satu daripada faktor yang menyebabkan perkembangan ekonomi yang menggalakkan ialah pendapatan eksport yang meningkat dengan tinggi, berikutan dari harga barang-barang utama, khasnya getah dan kelapa sawit. Eksport sektor perkilangan telah juga berkembang dengan pesat, kerana ia semakin kompetitif di pasaran luar negeri. Penambahan pendapatan eksport yang tinggi telah menjadikan imbangan pembayaran terus kukuh. Akaun semasa mencatatkan lebih sebanyak 3 ribu juta ringgit manakala paras rizab luar negeri adalah tinggi dan memuaskan.

Pelaburan swasta termasuk pelaburan asing terus meningkat. Pada penghujung bulan Oktober sejumlah \$2,902 juta cadangan ekuiti asing telah diterima berbanding dengan hanya \$564 juta bagi tempoh yang sama dalam tahun 1987. Dari cadangan ekuiti ini, \$1,754 juta telah diluluskan. Pertumbuhan dalam pelaburan asing ini adalah hasil dari beberapa langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mewujudkan iklim pelaburan yang lebih menarik bagi pelaburan asing dan juga tempatan. Di samping usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri telah juga bersama-sama memperbaiki infrastruktur, dan mempercepatkan urusan memproses permohonan-permohonan pelaburan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan-kerajaan Negeri atas kerjasama ini.

Selain dari itu, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan juga bertambah baik. Sukacita saya melaporkan bahawa Akaun Semasa Belanjawan akan mencatatkan sedikit lebih sebanyak \$1,08 juta bagi tahun ini berbanding dengan defisit yang besar sebanyak 2 ribu juta ringgit, pada tahun lalu. Jumlah defisit Kerajaan Persekutuan telah berkurangan pada 6.6% dari Keluaran Negara Kasar berbanding 8.2% dalam tahun 1987.

Pada tahun hadapan, Kerajaan menjangka pertumbuhan ekonomi negara adalah sederhana iaitu kira-kira 6%. Harga barangan utama kita, terutamanya petroleum dijangka turun. dalam tahun 1989. Ekonomi negara-negara perindustrian keseluruhannya dijangka berkembang hanya 2.8% berbanding dengan pertumbuhan 3.8% dalam tahun 1988.

STRATEGI BELANJAWAN 1989

Tuan Yang di-Pertua, strategik Belanjawan 1989 adalah dirancang untuk mengekal dan mengukuhkan proses pemulihan ekonomi negara dengan mengambil kesempatan daripada asas perkembangan ekonomi yang semakin kukuh.

Strategi Belanjawan 1989 adalah (1) menyusun semula sistem cukai; (2) meningkatkan peranan sektor swasta untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan pengangguran, (3) meneruskan dasar jimat-cermat dalam mengurus perbelanjaan awam.

MENYUSUN SEMULA SISTEM CUKAI

Di dalam Belanjawan kali ini, Kerajaan bercadang mengambil beberapa langkah untuk menyusun semula sistem cukai. Penyusunan semula ini dibuat bagi memastikan ianya dapat menyumbangkan hasil mencukupi untuk membiayai perbelanjaan yang bertambah dan menghadapi defisit akaun semasa, serta juga menggalak pertambahan ekonomi. Penyusunan iai akan dilaksanakan berperingkat-peringkat untuk menjamin peralihan yang licin ke arah satu sistem cukai yang lebih berkesan. Bagi Belanjawan ini, saya bercadang mengurangkan kadar cukai syarikat di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967, daripada 40% ke 35%, berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1989. Selain dari itu, saya juga bercadang untuk memansuhkan cukai pembangunan secara beransur-ansur dengan pengurangan sebanyak 1% mulai tahun taksiran 1990.

Tindakan ini akan melibatkan kehilangan hasil Kerajaan yang besar. Bagi mengurangkan kesannya ke atas kedudukan kewangan Kerajaan, saya bercadang memperluaskan asas hasil.

Selaras dengan ini, saya mencadangkan supaya perbelanjaan keraian dan elaun keraian yang dibayar kepada pekerja, tidak dibenarkan sebagai potongan kepada majikan. Walau bagaimanapun, beberapa kategori perbelanjaan keraian yang lain masih lagi dibenarkan sebagai potongan. Seterusnya perbelanjaan tambang percuma yang dibelanjakan oleh syarikat tidak akan dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan.

Saya juga mencadangkan supaya potongan untuk pembayaran bonus dipinda seperti berikut. Had maksima sekarang, sebanyak 31,000 dinaikkan \$2,000; atau 2 bulan gaji yang boleh ditambah tidak melebihi 2 kali ganda peratus kenaikan keuntungan bersih mengikut yang mana lebih tinggi.

Kajian Semula ke atas Galakan-galakan

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, saya mencadangkan perubahan-perubahan ke atas skim galakan cukai seperti berikut. Bagi syarikat-syarikat yang memohon taraf perintis selepas hari Belanjawan, elaun modal hendaklah digunakan dalam tempoh masa taraf perintis. Sebarang elaun modal tidak digunakan tidak akan dibenarkan dibawa ke hadapan. Bagi syarikat yang membuat permohonan taraf perintis selepas Hari Belanjawan, kerugian yang dialami dalam tempoh masa taraf perintis, tidak akan dibenarkan dibawa ke hadapan selepas tempoh taraf perintis. Tempoh elaun susutan dipercepatkan yang akan tamat pada akhir tahun 1988, tidak akan dilanjutkan.

Pengenaan Semula Cukai Jualan ke atas Beberapa Jenis Barang

Tuan Yang di-Pertua, skop cukai jualan masih lagi sempit walaupun tindakan telah diambil untuk mengenakan cukai jualan ke atas barang-barang tertentu dalam Belanjawan lalu. Oleh yang demikian, saya, bercadang mengenakan cukai jualan pada kadar 5% ke atas beberapa jenis barang-barang makanan dan barang-barang binaan yang kurang penting. Barang-barang makanan biasa seperti beras, tepung gandum, gula, garam, sayur-sayuran, ayam, ikan, ikan bilis, sardin masih terus dikecualikan daripada cukai.

Oleh itu harga barang-barang makanan yang digunakan oleh golongan berpendapatan rendah tidak harus naik. Pengenaan cukai jualan ke atas bahan-bahan binaan pula tidak akan menjejaskan harga rumah kos rendah kerana bahan-bahan binaan yang terlibat tidak digunakan untuk pembinaan rumah kos rendah. Dari itu langkah ini tidak akan menjejaskan mereka yang berpendapatan rendah. Adalah diharapkan pemaju-pemaju perumahan tidak akan mengambil kesempatan untuk menaikkan harga-harga rumah. Tidak ada sebab mereka perlu berbuat demikian kerana bahan-bahan binaan hanya merupakan kira-kira 30% dari kos sebuah rumah dan pengenaan cukai jualan ini tidak melibatkan bahan-bahan untuk rumah kos rendah.

Cukai Pertambahan Nilai (VAT)

Tuan Yang di-Pertua, skop cukai jualan yang ada sekarang mempunyai beberapa kebocoran yang menyebabkan Kerajaan kehilangan hasil yang besar. Beberapa negara telah mengatasi kelemahan ini dengan memperkenalkan Cukai Pertambahan Nilai, dengan izin, Value Added Tax (VAT). Kadar dan skop cukai ini boleh dirangka bagi menentukan ia tidak memberi kesan yang besar ke atas harga barang-barang pengguna. Peruntukan-peruntukan tertentu boleh dibuat untuk memastikan kumpulan yang berpendapatan rendah dan peniaga-peniaga kecil tidak akan dibebankan dengan cukai ini. Walau bagaimanapun, beberapa implikasi perlu dikaji sebelum Kerajaan membuat keputusan tentang cukai pertambahan nilai atau VAT, untuk menggantikan cukai jualan.

PENGURANGAN TARIF PERLINDUNGAN BAGI BEBERAPA JENIS INDUSTRI

Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk meningkatkan tahap kecekapan industri di negara ini. Beberapa industri telah menikmati perlindungan tarif terlalu lama sehingga menjejaskan kecekapannya.

Sebagai langkah meningkatkan kecekapan, Kerajaan akan mengkaji semula kedudukan industri-industri yang telah menikmati perlindungan tarif 50% dan ke atas, dan yang melebihi 10 tahun. Sebagai langkah awal, saya mencadangkan duti-duti import dikurangkan antara 20% hingga 87% ke atas beberapa barang perkilangan yang terlibat seperti basikal, coklat, biskut, dan minuman ringan. Adalah diharapkan tindakan ini akan menggalakkan persaingan serta meningkatkan produktiviti dan seterusnya mengurangkan harga barang-barang berkenaan.

Cukai Pegangan ke atas Faedah

Sebagai langkah untuk memberi layanan cukai yang sama ke atas faedah dari simpanan tetap, saya mencadangkan supaya faedah ke atas simpanan tetap melebihi dua belas bulan, dikenakan cukai pegangan sebanyak 5%. Tujuan asal penganan cukai pegangan, ini adalah bagi pendapatan faedah yang diterima pada atau selepas 1hb Januari, 1989. Walau bagaimanapun untuk membolehkan penyimpan-penyimpan menikmati pengecualian cukai bagi simpanan tetap yang disimpan sebelum hari Belanjawan, saya mencadangkan supaya cukai pegangan dikenakan ke atas pendapatan faedah dari simpanan tetap yang dibuat atau diperbaharui pada atau selepas hari Belanjawan iaitu 21hb Oktober, 1988. Walau bagaimanapun, cadangan ini tidak akan melibatkan pendapatan faedah dari simpanan dengan Bank Simpanan Nasional dan Lembaga Urusan Tabung Haji. Dengan itu, bagi penyimpan yang terlibat, mereka bolehlah memindahkan simpanan kepada institusi-institusi tersebut. Penyimpanan tidak perlu bimbang tentang identiti mereka, kerana pihak bank akan membayar cukai pegangan secara keseluruhannya tanpa melaporkan nama-nama penyimpan

yang berkenaan. Selain daripada itu, pengecualian cukai yang dinikmati oleh bukan pemastautin dikekalkan, untuk menggalak kemasukan modal ke negara ini.

MENINGKATKAN PERANAN SEKTOR SWASTA

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ingin melihat sektor swasta memainkan peranan yang lebih penting dalam pertumbuhan ekonomi. Saya bersukacita kerana sektor swasta telah mula memberi respon yang positif terhadap usaha-usaha meningkatkan prestasi ekonomi. Oleh itu saya bercadang menambahkan galakan kepada sektor swasta, untuk memperluaskan lagi peranannya dalam sektor perkilangan, pertanian dan pembinaan.

Bagi menggalak usaha-usaha menerokai tanaman baru, dan membagaikan kegiatan pertanian dalam ekonomi secara kemersial dan besar-besaran, perbelanjaan modal bagi projek pertanian yang diluluskan akan dibenarkan sebagai potongan daripada lain-lain punca pendapatan. Layanan cukai yang istimewa ini adalah tertakluk kepada jangkamasa dan luas kawasan pengeluaran yang tertentu.

Bagi mendorong syarikat-syarikat pembinaan untuk bergiat di luar negeri dan menggalakkan mereka membawa balik pendapatan yang diperolehi itu ke Malaysia, saya bercadang supaya pendapatan tersebut diberikan potongan sebanyak 50%.

Galakan-galakan Cukai bagi Industri Kecil

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan industri kecil adalah penting untuk pembangunan perindustrian dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan pertalian antara industri. Industri kecil layak mendapat beberapa galakan di bawah Akta Penggalakan Pelaburah 1986. Untuk mendorong lagi pelaburan dalam sektor ini, saya mencadangkan beberapa galakan seperti pemberian taraf perintis, pengecualian

duti import dan dorongan untuk syarikat membeli input dari industri kecil.

**Akta Cukai Pemindahan Syer Dimansuhkan dan
Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah Dipinda**

Saya bercadang untuk memansuhkan Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah). Akta ini telah diperkenalkan untuk mengatasi masalah yang dihadapi di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah di mana syarikat berasaskan tanah telah menjual syer dalam syarikat untuk mengelak daripada membayar cukai keuntungan harta tanah. Bagi mengatasi masalah ini, saya bercadang meminda peruntukan-peruntukan tertentu di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah. Pindaan-pindaan ini tidak begitu ketat berbanding dengan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) dan diharap akan mendorong perkembangan pasaran harta.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi pilihan pelaburan yang lebih luas kepada pelabur-pelabur dan menggalakkan pasaran bon koporat yang aktif, saya mencadangkan supaya semua duti setem di atas bon-bon koporat termasuk "convertible bonds" dikecualikan.

Amanah-amanah Unit Saham

Tindakan juga akan diambil untuk meminda perundangan berkenaan, supaya keuntungan dari penjualan saham tidak dianggap sebagai pendapatan perniagaan, dan dengan itu tidak dikenakan cukai pendapatan.

Amanah-amanah Unit Harta Tanah

Bagi keuntungan yang diperolehi dari pembelian dan penjualan harta tanah oleh amanah-amanah unit hartanah, pendapatan dari keuntungan akan dikenakan cukai keuntungan hartanah, di mana kadarnya adalah lebih rendah.

Syarikat-syarikat Modal Usaha

Bagi menggerakkan kumpulan wang untuk dilaburkan dalam bidang perniagaan baru saya bercadang meminda undang-undang yang berkenaan, supaya memberikan layanan cukai yang akan menggalakkan perkembangan syarikat-syarikat modal usaha atau, dengan izin, venture capital.

Galakan-galakan Cukai kepada Ibu Pejabat Operasional

Kita perlu mengambil kesempatan daripada minat yang ditunjukkan oleh syarikat-syarikat multinasional untuk melabur di kawasan Asia-Pasifik. Bagi menarik syarikat-syarikat ini ke Malaysia, serta menggalakkan usaha mereka untuk mengendali dan menyediakan rangkaian perkhidmatan kepada anak-anak syarikat mereka di rantau ini, saya mencadangkan supaya galakan-galakan cukai disediakan bagi mendorong penubuhan ibu pejabat operasional. Galakan ini dijangka diumumkan pada sesi Parlimen akan datang.

PERUNTUKAN BELANJAWAN 1989

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan strategi Belanjawan 1989 saya mencadangkan sejumlah \$30,165 juta diperuntukkan dalam Belanjawan 1989. Daripada jumlah ini, sebanyak \$22,286 juta atau 74% adalah bagi perbelanjaan mengurus dan \$7,879 juta atau 26% bagi perbelanjaan pembangunan. Peruntukan ini adalah sejajar dengan dasar Kerajaan untuk meneruskan dasar berjimat-cermat dalam pengurusan perbelanjaan awam.

PERBELANJAAN MENGURUS

Peruntukan perbelanjaan mengurus bagi Belanjawan tahun 1989 berjumlah \$22,286 juta, iaitu bertambah sebanyak \$1,050 juta, jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1988. Ini termasuk tambahan sebanyak \$552 juta bagi emolumen. Pertambahan besar bagi emolumen adalah bagi pelarasan gaji kakitangan awam bermula 1hb Januari, 1989, di samping kenaikan gaji tahunan biasa.

Selain dari emolumen, perbelanjaan yang terbesar dalam perbelanjaan mengurus Kerajaan ialah pembayaran faedah atas hutang negara. Jumlah yang diperuntukkan bagi maksud ini untuk tahun 1989 ialah \$6,000 juta. Ini adalah satu angka yang tinggi. Kerajaan akan terus mengawal perbelanjaan ini dan langkah-langkah akan diambil untuk mengurangkan hutang luar negeri melalui pembayaran awal dan pembiayaan semula hutang-hutang yang mempunyai kadar faedah yang tinggi.

PERBELANJAAN PENBANGUNAN

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan pembangunan sebanyak \$7,879 juta bagi tahun 1989, mengandungi \$4,798 juta bagi sektor ekonomi, \$1,789 juta bagi sektor sosial, \$670 juta bagi sektor keselamatan dan \$222 juta bagi sektor perkhidmatan am.

Sebahagian besar dari tambahan ini, iaitu \$697 juta atau 61% untuk sektor ekonomi bagi melaksanakan projek-projek penting, seperti tanaman semula getah, pembangunan tanah, jalan dan jambatan, kemudahan air dan elektrik dan kemudahan-kemudahan lapangan terbang.

Kerajaan akan terus memberi perhatian utama, kepada projek-projek pembangunan di luar bandar. Peruntukan sebanyak \$5,117 juta atau kira-kira dua pertiga dari perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1989 telah disediakan bagi tujuan ini. Selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru, sebanyak \$1,528 juta telah disediakan bagi projek-projek membasmi kemiskinan, dan \$1,552 juta bagi projek menyusun semula masyarakat.

PENDIDIKAN

Sebanyak \$1,147 juta diperuntukkan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan termasuk pembinaan bilik-bilik darjah dan meluaskan kemudahan-kemudahan tempat belajar di pusat-pusat pengajian tinggi.

KESIHATAN

Penyediaan kemudahan-kemudahan kesihatan adalah satu aspek yang perlu bagi meningkatkan taraf hidup penduduk. Oleh yang demikian Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak \$209 juta bagi kesihatan, termasuk peruntukan sebanyak \$50 juta bagi pembinaan pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik desa.

KERAJAAN

Kerajaan telah menyediakan peruntukkan sebanyak 670 juta ringgit di bawah Sektor Keselamatan, bagi meningkatkan keupayaan, kemampuan dan kecekapan angkatan tentera dan pasukan polis untuk menjamin keselamatan negara.

PABK

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Perusahaan Awam Bukan Kewangan, atau PABK, Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah-masalah PABK yang besar. Langkah-langkah yang diambil termasuk menyusun semula modal, mengurangkan kos, menambahkan pengeluaran dan memperbaiki kawalan dalaman dan merombak pengurusan.

Selain dari menyelesaikan masalah-masalah kewangan perusahaan-perusahaan yang besar, Kerajaan juga akan memberi perhatian kepada beberapa syarikat lain yang mengalami kerugian yang memerlukan perhatian segera. Perkhidmatan perunding-perunding swasta akan diambil untuk mengkaji syarikat-syarikat ini sebelum Kerajaan mengambil tindakan-tindakan tertentu.

PENUTUP

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu meneruskan usaha untuk memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi negara. Kita tidak seharusnya merasa puas hati atas prestasi yang dicapai setakat ini. Masih banyak masalah dan cabaran yang mesti dihadapi dan diatasi. Oleh itu setiap rakyat Malaysia hendaklah berusaha lebih gigih lagi untuk meningkatkan produktiviti negara. Pihak sektor swasta juga perlu terus membaiki prestasi dan kecekapan mereka supaya daya persaingan negara dapat ditingkatkan.

Ekonomi negara telah berjaya dipulihkan, hasil dari sokongan golongan-golongan yang sedia, dan dasar-dasar tegas yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mengurangkan perbelanjaan dan menyusun semula ekonomi. Di dalam proses memulihkan ekonomi negara, Kerajaan telah

mengambil beberapa langkah yang tidak popular. Tetapi langkah-langkah ini perlu diambil bagi memperkukuhkan kedudukan ekonomi dan kewangan negara.

Kerajaan amat menghargai pengorbanan setiap golongan masyarakat serta kesabaran mereka menghadapi berbagai cabaran. Pegawai-pegawai Kerajaan telah bersabar menunggu keputusan kenaikan gaji. Peniaga-peniaga telah mengalami kekurangan dalam perniagaan dan jumlah kontrak. Banyak projek terpaksa ditangguhkan, tetapi berkat kesabaran ini, ekonomi negara sekarang berada dalam keadaan yang lebih kukuh.

Apabila ekonomi negara kukuh, Kerajaan lebih mampu memenuhi tuntutan kenaikan gaji Kerajaan telah menunaikan janji terhadap pegawai-pegawainya. Perbelanjaan pembangunan pula telah dapat ditambah sebanyak 14% pada tahun hadapan. Ini semua akah dilaksanakan oleh kerana hasil telah bertambah sedikit.

Kerajaan juga menghargai peranan sektor swasta yang, telah mengambil peluang daripada pertumbuhan ekonomi dan dasar-dasar yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan. Pelaburan swasta kini bertambah dengan pesat dan kita harap perkembangan ini akan dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat yang menganggur. Kerajaan akan terus mengambil langkah bagi memperbaiki iklim pelaburan, supaya lebih ramai, pelabur asing dan dalam negeri melabur di negara ini.

Dalam suasana dan iklim yang bertambah baik, kita tidak mahu ada pihak yang cuba menakut-nakutkan pelabur, membuat desakan yang melampaui batasan dan di luar kemampuan kita, atau memecah belahkan perpaduan yang ada. Kita perlu berhati-hati. Pihak-pihak ini tidak

harus diberi peluang menggoncang kestabilan negara kita. Negara kita kaya dengan banyak sumber dan sumber ini perlu diguna dan diuruskan dengan cekap untuk faedah semua rakyat. Kita bukan sahaja perlu merancang untuk hari esok, tetapi juga untuk menjamin masa depan bagi anak-anak cucu kita. Oleh itu marilah kita bersatu padu dan menunjukkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara yang tercinta.

Kita lupakanlah perselisihan yang remeh temeh yang memisahkan kita. Perkara-perkara kecil tidak harus diperbesarkan. Dengan cara ini sahajalah kita dapat mencapai matlamat negara, iaitu sebuah negara yang lebih adil, bersatu dan makmur. Menjelang tahun baru marilah kita memperkuatkan azam untuk memperbaiki prestasi di setiap bidang dan untuk membuktikan taat setia kepada negara. Jadilah ini matlamat kita dalam menghadapi tahun 1989 dan tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Petua, saya mohon mencadang.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, di bacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada di antara Yang Berhormat hendak berbahas?

3.55 ptg.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1989 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru sebentar ini.

Tuan Yang di-Pertua, berdasar kepada Dasar Ekonomi Baru, matlamat penting ialah mewujudkan perpaduan negara menerusi salah satu langkahnya adalah membasmi kemiskinan, terdapat banyak ketika di mana Kerajaan telah diperingatkan tentang semangat dan hasrat Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan. Penekanan telah dibuat berulang kali selama 18 tahun yang lepas di dalam Rancangan Malaysia Kedua, Ketiga, Keempat dan Kelima yang mana dalam pada itu telah dinyatakan bahawa tidak ada mana-mana golongan yang akan mengalami apa-apa kerugian atau merasai bahawa hak mereka diketepikan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Biar pun jaminan Kerajaan tersebut telah berulang kali diutarakan secara bertulis di dalam dokumen-dokumen rasmi, Kerajaan masih mengabaikan masyarakat bukan Melayu di dalam pelaksanaan rancangan membasmi kemiskinan di dalam tempoh 18 tahun ini. Banyak telah dijanjikan tetapi segalanya tidak dikotakan. Kemiskinan tidak mengenal keturunan kaum. Terdapat rakyat yang miskin di setiap kaum di Malaysia.

Adalah jelas bahawa falsafah Dasar Ekonomi Baru mengiktiraf kepentingan untuk menghapus kemiskinan semua lapisan masyarakat tanpa mengira keturunan kaum dengan menghapuskan sebarang ketidak samaan dan ketidak adilan yang wujud. Tetapi di dalam usaha pengubahan rancangan-rancangan pembangunan 5 tahun yang berturut-

turut dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, ternyata impian untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang adil dan saksama nampaknya telah dilupakan dan diketepikan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang membangkitkan kemarahan pada hari ini ialah pada satu pihak Kerajaan mengabui mata rakyat dengan kata-kata manis manakala di pihak yang lain janji-janji yang indah itu telah dilupakan semasa pelaksanaannya. Setaka manakah kesabaran kita dapat diuji dengan penipuan tersebut. Sifat-sifat manusia yang baik iaitu kesabaran dan kesefahaman nampaknya telah tidak dihargai. Sifat merendahkan diri, bersopan-santun dan toleransi telah diinterpretasikan sebagai sifat-sifat lemah, sifat-sifat lemah lembut dan ampun mengampun telah dicaci. Pengorbanan untuk keamanan, kestabilan dan perpaduan nasional telah dieksploitasikan oleh ahli-ahli politik yang angkuh. Terdapat ahli-ahli politik yang asyik memperjuangkan career perseorangan. Mereka juga memainkan sentimen-sentimen perkauman dan berpandangan sempit dan negatif semasa berhadapan dengan kebenaran. Saya berharap mereka akan insaf, kalau pun tidak Tuhan akan memastikan perbuatan-perbuatan salah mereka diperbetulkan sebelum negara ini dihancurkan.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru telah berjalan di atas rasional bahawa semua tindakan yang dilakukan adalah bertujuan untuk kepentingan dan dominasi kaum Melayu dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Ianya telah menjadi rangkaian keselamatan dan perlindungan bagi kaum Melayu dan ianya telah digunakan berkali-kali sebagai justifikasi yang paling singkat bagi semua keputusan-keputusan pentadbiran yang menyebelahi pihak Melayu. Hak ini termasuk pengambil pegawai perkhidmatan awam, kenaikan pangkat,

pemberian biasiswa, dan pinjaman pelajaran, kemasukan ke universiti-universiti tempatan, lesen-lesen, kuota untuk membeli rumah dan alienation tanah dan pengambilan peneroka-peneroka ke dalam skim pembukaan tanah. Dalam pengejaran pendominasi dan memecahbelahkan oleh satu kaum ke atas kaum lain, mereka seolah-olah telah melupakan ikrar perpaduan nasional mereka kepada rakyat. Mereka juga telah melupakan hakikat bahawa kaum bukan Melayu juga rakyat Malaysia yang berhak menikmati hak-hak yang termaktub dalam Perlembagaan. Terdapat setengah orang yang mendefinisikan Perpaduan Nasional dalam konteks yang mereka pilih, manakala ada pula yang memandang nasionalisma sebagai nasionalisma Melayu semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, kaum bukan Melayu juga berhak untuk menikmati peluang-peluang pekerjaan yang sama mengikut komposisi kaum dalam sektor awam, pentadbiran negara, pasukan tentera, syarikat-syarikat awam yang dibiayai oleh Kerajaan, sektor perkhidmatan dan kemudahan awam dan lain-lain bidang yang mereka tidak mewakili dengan adilnya. Kaum bukan Melayu juga berhak menikmati peluang-peluang yang lebih besar dalam pemilikan tanah pertanian serta skim-skim pembangunan luar bandar peringkat negeri dan Persekutuan seperti Felda, Felcra, Risda, Rancangan Pembangunan Pertanian Bersepadu, Projek-projek Pembangunan Zon dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya komitmen Kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan di kalangan kaum Melayu juga merangkumi kampung-kampung baru.

Ini terbukti apabila didapati bahawa di mana kurang daripada \$75 juta telah diperuntukkan di bawah semua Rancangan-rancangan Malaysia yang lalu untuk Kampung-kampung Baru berbanding dengan \$5,000 juta yang dikhaskan untuk tabung pembangunan demi rancangan-rancangan pembangunan tanah dan projek-projek pengairan kawasan Melayu di bawah Rancangan Malaysia Keempat sahaja. Pada kebiasaannya jawapan-jawapan yang diberi oleh ahli-ahli politik Melayu ialah keadaan Kampung-kampung Baru adalah lebih baik daripada kampung-kampung tradisi dari segi bekalan air, elektrik dan sebagainya. Pada hakikatnya ini telah menyimpang dari keadaan yang sebenarnya. Sebenarnya Kampung-kampung baru yang mempunyai kadar kemiskinan yang tertinggi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kelima telah dinyatakan bahawa 63% daripada 1.8 juta penduduk Kampung Baru Cina mempunyai pendapatan isirumah \$400 dan ke bawah dengan mengambil purata 5.5 orang bagi satu isirumah. Ini bermakna seramai 80,000 isirumah daripada 206,000 isirumah mempunyai pendapatan yang kurang daripada \$200 sebulan. Pada 9hb November, 1988 Yang Berhormat Datuk Dr. Yusof Nor telah memaklumkan kepada Dewan Rakyat bahawa 61,000 isirumah Cina hidup di bawah garis kemiskinan. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tentang caranya memperoleh data 61,000 isirumah Cina miskin itu. Saya ingin tahu bagaimana Kerajaan mendefinisikan garis kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan tidak pernah menjelaskan asas yang digunakan untuk menganggarkan garis kemiskinan. Di satu persidangan nasional mengenai kemiskinan yang dianjurkan oleh pihak Institusi Strategik dan Kajian Antarabangsa pada 1985 telah berkali-

kali diberi penekanan bahawa melainkan kalau Kerajaan menjelaskan asas sebenar yang digunakan untuk membezakan golongan miskin daripada golongan kaya serta cara yang digunakan untuk menilai kemajuan mereka dari semasa ke semasa, maka keraguan yang serius terhadap data-data yang diberi oleh ahli-ahli politik tetap berkekalan. Ini kerana mereka berupaya menukar serta memutarbelitkan data demi kepentingan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, pekebun-pekebun kecil dan pekerja-pekerja estet bukan Melayu adalah di antara golongan miskin yang paling banyak diabaikan. Saya tidak dapat memperolehi data-data bagi saiz golongan bukan Melayu luar bandar yang miskin tetapi di kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk bukan Melayu terdapat 31% pekebun kecil kelapa, 43.5% nelayan 39% pekerja estet dan 47.5% isirumah pertanian yang hidup dalam kemiskinan. Ramai penduduk bukan Melayu di kawasan luar bandar masih tidak bertanah, hidup miskin dan dalam kebanyakan kes dieksploitasikan oleh majikan. Mereka cuma menerima faedah yang minima dari program-program membasmi kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1982 hanya 3.65% peneroka FELDA terdiri daripada kaum bukan Melayu berbanding dengan 3.7% dalam tahun 1980. Walaupun dengan matlamat penyusunan semula Dasar Ekonomi Baru dalam semua sektor termasuk tanah, golongan miskin bukan Melayu di luar bandar terus dan secara teratur dinafikan peluang yang adil untuk menceburi rancangan tanah. Akibatnya ketidak-seimbangan yang wujud dalam hakmilik tanah antara golongan Melayu dan bukan Melayu telah bertambah ketara. Alirannya diskriminasi kaum dalam peruntukan tempat dalam skim-skim tanah pertanian jelas sekali melanggar inti Dasar Ekonomi Baru. Pengabaian Kerajaan

mengenai keadaan golongan miskin bukan Melayu di Luar bandar telah berlangsung sehingga kepada anak-anak mereka yang tidak menerima kemudahan pendidikan yang baik sebagaimana yang dinikmati oleh kebanyakan anak-anak golongan miskin Melayu di luar bandar.

Diskriminasi Kerajaan ini juga wujud di kalangan golongan miskin bandar. Kebanyakan golongan miskin kaum Cina di bandar terdapat dalam bidang perlombongan, industri kecil, pembinaan, perniagaan runcit dan penjajaan. Mereka ini berjumlah beribu-ribu dan walaupun matlamat Dasar Ekonomi Baru menyatakan pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum golongan ini tetap diketepikan dari bantuan Kerajaan. Sektor-sektor yang didominasi oleh kaum Cina seperti perniagaan kecil dan runcit tidak menerima apa-apa daripada Kerajaan dalam tempoh 1970 hingga 1985 dalam Rancangan-rancangan Malaysia Kedua, Ketiga dan Keempat, sementara Perbadanan-perbadanan Ekonomi menerima \$10.223 bilion yang kita semua tahu didominasi oleh kaum Melayu. Di manakah keadilan dan kesaksamaan? Bagaimanakah partiparti komponen bukan Melayu Barisan Nasional dapat menerima dan memanfaatkannya?

Satu contoh, pada tahap terendah kontraktor-kontraktor Kerajaan di bawah \$100,000 Kelas 'F', pihak Pesaka Bumi di Jabatan Perdana Menteri mendesak bahawa jenis kontrak ini mesti diberi, ditawarkan kepada syarikat-syarikat kontraktor yang 100% milik bumiputera, di mana para buruh yang bekerja di tapak mesti juga bumiputera. Kenapa wujud diskriminasi ini di kalangan rakyat Malaysia yang miskin? Bukankah semua rakyat Malaysia yang miskin perlu bantuan daripada Kerajaan? Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melupakan matlamat pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum? Atas nama penyusunan semula masyarakat golongan miskin bukan Melayu telah menderita selama 18 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, apabila wujud rancangan-rancangan pembangunan dalam projek-projek perumahan kos rendah, kemudahan penjajaan gerai dan lain-lain lagi jelas diperuntukkan kepada kaum Melayu dengan sedikit sahaja kepada kaum bukan Melayu. Kegagalan membantu peniaga kecil bukan Melayu bandar daa mendiskriminasikan terhadap bukan Melayu adalah penyelewengan matlamat pembasmian kemiskinan yang melampau dan tidak bermaruah.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ahli-ahli politik kaum Melayu membangkang terhadap kebenaran yang mesti dikemukakan walaupun ia menyakitkan dan menyatakan bahawa Dasar Ekonomi Baru bertujuan membantu kaum Melayu meningkatkan taraf hidup mereka. Biar saya katakan di sini di negara ini wujud ramai rakyat miskin bukan Melayu yang berhak menerima bantuan daripada Kerajaan seperti kaum Melayu. Bagi kaum Cina kurang daripada 10% memegang kekayaan komuniti mengikut pendapatan isirumah atas \$100 ke atas satu bulan. Kekayaan kumpulan **elit** ini digunakan sebagai rasional menyusun semula masyarakat sebenarnya telah dipergunakan untuk diskriminasikan rakyat Cina miskin yang lebih besar itu. Ini merupakan satu isu moral yang semua rakyat yang bermaruah khasnya ahli-ahli politik Melayu mesti menjawab.

Setelah 18 tahun berlaku penyelewengan adalah tidak menghairankan kalau Preaiden MCA kami mengumumkan bahawa beliau telah 'fed up', dengan izin. Jika pemimpin UMNO tidak mempunyai rasa penting menyedari tentang kesilapan-kesilapan yang dibuat dalam mendiskriminasikan rakyat miskin dari kaum yang lain, haraplah Tuhan membantu mereka dan Tuhan membantu Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, kami di MCA tidak kecil hati dengan bantuan Kerajaan kepada kaum Melayu, tetapi mereka mesti jelas di mana batasannya. Pelaksanaan

rancangan-rancangan pembasmian kemiskinan tidak patut dijalankan secara tidak adil atau mendiskriminasikan satu-satu kaum. Kemiskinan adalah satu masalah yang dihadapi oleh semua kaum dan patut dibasmikan tanpa mengira kaum, keturunan, seperti yang dinyatakan berulang-ulang kali.

Tuan Yang di-Pertua, kaum lain mesti melambatkan usaha mereka demi menjayakan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru dan perpaduan nasional, akan tetapi kerelaan dan pengorbanan kaum bukan Melayu telah melampaui batasannya. Mereka bukan sahaja dihalang daripada menikmati peluang-peluang baru tetapi juga menghadapi hakisan kepentingan ekonomi mereka yang sah. Golongan bukan Melayu telah bersetuju dengan Dasar Ekonomi Baru atas persefahaman bahawa ini merupakan sumbangan mereka ke arah pencapaian perpaduan nasional dan bukan menganugerahkan hak semula jadi atau satu pemberian hak yang selama-lamanya kepada pemimpin Melayu. Perjanjian yang dicapai ialah bahawa Dasar Ekonomi Baru akan berlangsung selama 20 tahun daripada tahun 1970 sehingga 1990 dan sasaran-sasaran spesifik untuk membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Dasar Ekonomi Baru telah menjadi satu identiti kaum Melayu. Golongan bukan Melayu telah mempunyai rasa kepunyaan, mereka merasa kerugian diskriminasi khususnya di kalangan golongan miskin bukan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tiba masanya polisi ini yang telah mendapat gelaran negatif atau, dengan izin, stigma dan yang jelas sekali gagal menyumbang kepada perpaduan nasional. Saya menyeru Kerajaan supaya meformulasikan satu polisi pembasmian kemiskinan baru yang berasingan dan terpisah dari Dasar Ekonomi Baru supaya matlamat penyusunan semula masyarakat tidak akan digunakan dan berkeliru dengan membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Adalah

jelas dalam 18 tahun yang lepas matlamat penyusunan semula masyarakat telah digunakan sebagai rasional untuk mendiskriminasikan golongan miskin bukan Melayu di mana selain daripada tidak membantu semua rakyat Malaysia miskin tanpa mengira kaum, golongan ini telah dihina dan menderita kerana tidak menerima bantuan Kerajaan walaupun mereka juga membayar cukai dan patut menerima hak yang sama seperti kaum Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, di manakah keadilan sosial? Adakah menyindirkan bahawa Dasar Ekonomi Baru yang diwujudkan untuk membetulkan ketidakadilan dan ketidakseimbangan yang dialami oleh satu kaum, telah dipergunakan untuk mewujudkan ketidakadilan dan ketidakseimbangan baru bagi kaum yang lain. Dalam proses itu kumpulan yang serba kekurangan telah kini menjadi kumpulan yang berada dan sebaliknya. Golongan bukan Melayu kini menjadi kumpulan yang **ber**kurangan termasuk golongan pribumi Sabah dan Sarawak.

Kerajaan mesti mempunyai keazaman untuk bertindak membetulkan ketidakseimbangan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang ini dan jangan meneruskan usahanya yang menghalang pencapaian perpaduan nasional, dan yang memisahkan untuk mencapai perpecahan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga memberi nasihat kepada segala pemimpin-pemimpin yang ada dalam negara kita bahawa kepada Wakil-wakil Rakyat yang setia kepada rakyat dan negara sepatutnya sentiasa bersedia berkorban untuk rakyat dan menyampaikan hasrat rakyat, dengan izin saya akan sebut seperti dalam pepatah bahasa Tionghua, yang bermaksud:

"Sebagai seorang Wakil Rakyat, daripada kumpulan rakyat kami datang, daripada rakyat kami pulang."

Jadi kepentingan rakyat mesti sentiasa disampaikan kepada Dewan yang mulia ini, dan jangan mengkhianati bangsa sebagai seorang pengkhianat bangsa, sekiranya kerana kepentingan diri sendiri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Lau Keng Siong.

4.13 ptg.

Tuan Lau Keng Siong: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1989 ini.

Tuan Yang di-Pertua, golongan bumiputera khususnya kaum Melayu di Semenanjung Malaysia telah mencapai kejayaan yang cemerlang sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, seperti yang dibentangkan dalam Belanjawan 1989. Golongan ini yang akan terus menerima sejumlah besar bantuan Kerajaan dalam semua bidang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan Dasar Ekonomi Baru semakin hampir tamat tempoh masanya pada tahun 1990 banyak seruan telah dibuat untuk mengadakan satu lagi Kongres Ekonomi Bumiputera untuk merangka satu Rancangan. Ekonomi Baru. Dari segala laporan yang disiarkan keadaan tidak akan berubah sangat dari teras Dasar Ekonomi Baru yang dirancangkan selepas satu Kongres Ekonomi Bumiputera tanpa penyertaan golongan bukan bumiputera.

Marilah kita merenong kembali untuk seketika dan dengan izin memperingatkan para pemimpin UMNO tentang janji-janji yang dibuat semasa Pilihanraya Umum 1986 dalam manifesto Barisan Nasional yang berkata: "Janji kami kepada rakyat Malaysia ialah bahawa apa yang diusahakan selepas 1990 akan diatur hanya selepas bermuafakat dengan segenap peringkat masyarakat. Program keadilan sosial selepas 1990 kelak adalah hasil musyawarah rasional sepenuhnya."

MCA mengharapkan kejujuran ditunjukkan dan ia patut ditunjukkan dengan jelas bahawa pemimpin UMNO memang akan menunaikan janji-

janjinya, malahan dari mengatakan sebalik apa yang dijanjikan. Kesebarannya kami dan juga rakyat semakin hari semakin hilang. Toleransi dan kerendahan hati adalah ciri-ciri sejagat yang mulia. Tetapi apabila ia sampai pada hadnya akah runtuh. Pertunjukan keberanian yang jelas semasa Perhimpunan Agung UMNO yang disalurkan melalui ucapan-ucapan perwakilan-perwakilan yang menyokong setengah-setengah pemimpin UMNO hanya menyebabkan kami memperkuatkan azam dan ketetapan kami untuk memperjuangkan keadilan dan kesaksamaan sehingga berjaya.

Kami berharap Barisan Nasional akan menubuhkan satu Jawatankuasa tidak lama lagi untuk menuju ke arah konsensus mengenai satu dasar data yang sama serta menyediakan satu rancangan baru.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru memang mempunyai kelemahan yang perlu disuarakan supaya kelemahan-kelemahan ini akan dielakkan dalam rancangan baru selepas 1990. Dengan izin saya ingin memetik petikan dari Wolffe Jean Casper yang merupakan seorang penasihat kepada Kementerian Kewangan selama dua tahun di bawah tajaan Perkhidmatan Pembangunan Penasihat Harvard pada tahun 1971-1973 yang telah kembali ke negara ini, untuk mengkaji semula Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1986 dan 1987. Penilaian peribadi beliau yang diterbitkan dalam **Economic Order**, berkata, dengan izin;

"What I did not foresee was the adverse dynamics and the unanticipated side-effects of the distribution policies and positive discrimination. Once launched, they promoted rather than eased racial identification and confrontation. It created a

vicious circle of more clairs for redistribution and raised the reward for racial confrontationism. Each new generation of communal leaders have to be more radical to oucdo their predecessors and to gain support."

Beliau juga menyebut bahawa ekonomi Malaysia semakin dijadikan satu ekonomi yang berat di bahagian atas.

Perbelanjaan awam telah bertambah dengan 133% dalam jangka masa 4 tahun yang singkat 1979-1983. Pada hari ini telah wujud lebih daripada 900 perusahaan awam bukan kewangan (NFPES) yang dan anggaran hasil Persekutuan Malaysia bagi tahun 1989 menunjukkan bahawa hanya PETRONAS, MAS, SPPK, MISC dan Syarikat Gula Padang Terap Berhad mencapai keuntungan. Beliau juga menyatakan bahawa, dengan izin,

"Many harmful measures were made publicly acceptable because they were justified as redistribution policies."

Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya ialah untuk menunjukkan bahawa Kerajaan mesti lebih berhati-hati, waspada dan mengkaji semua aspek-aspek tertentu Dasar Ekonomi Baru.

Pihak MCA sungguh sedih dengan wujudnya penyelewengan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan sungguh bimbang bahawa polisi baru yang sedang diubah akan dapat memperbetulkan kesemua ketidakseimbangan. Kita mesti belajar dari pengalaman yaag kini wujud di Sri Lanka, terutama golongan Sinhalese ke atas golongan Tamil adalah

satu proses yang beransur-ansur. Gotongan elite Sinhalese telah bermula dengan pertama sekali merampas kuasa dan kemudian menggunakan kuasa itu melanjutkan peluang-peluang pekerjaan dan pendidikan untuk kaum Sinhalese, serta meluaskan peluang-peluang dalam bidang perdagangan supaya aatu kelas pertengahan kaum Sinhalese dapat diwujudkan, perkhidmatan awam, tentera dan polis ada di bawah kekuasaan kaum Sinhalese, dalam semua bidang ini kaum Tamil menjadi batu penghalang yang terbesar. Dengan peringatan kekuasaan negeri di atas ekonomi dominasi Sinhalese ke atas semua bidangkuasa negeri menjadi lengkap.

Pertubuhan Perbadanan Negeri dalam bidang pengangkutan, pelabuhan, petroleum serta industri-industri lain dan perladangan, keupayaan negeri melanjutkan dominasi ini tidak terhad. Dalam institusi-institusi pengajian tinggi mereka patut menjadi kriteria kemasukan ke Fakulti-fakulti yang strategik dan terbaik seperti perubatan, kejuruteraan, pertanian, sains dan fiskal dan lain-lain.

Nisbah kaum Tamil semakin berkurangan dalam semua fakulti **ini**. Ini merupakan satu lagi cara yang mempunyai kesan menafikan peluang pengajian tinggi kepada penuntut-penuntut Tamil yang berkelayakan yang bergred tinggi. Penuntut-penuntut ini mempunyai sikap antagonistik terhadap diskriminasi anti serta keinginan untuk melakukan sesuatu. Hampir 20 tahun dengan kegunaan kuasa negeri kaum Sinhalese merupakan komuniti yang termundur dan peranan golongan minoriti semakin berkurangan sehingga ke tahap yang tidak bererti langsung. Kaum Sinhalese berada pada kedudukan yang boleh memperbaiki segala penderitaan dan ketidak-seimbangan yang wujud, akan tetapi mereka tidak dapat dan tidak sanggup memisahkan antara yang baik, adil dan saksama dalam sebuah masyarakat yang berbilang kaum.

Justifikasi yang digunakan ialah kaum Sinhalese adalah penduduk asal dan pemilik Sri Lanka. Pengajaran yang kita sebagai warganegara Malaysia boleh memperolehi dari perpecahan kaum di Sri Lanka adalah benar sekali. Saya tidak perlu menggambarkan persamaan-persamaan yang wujud di Malaysia pada hari **ini**. Marilah kita semua berazam mencegah negara kita yang tercinta dari menuju ke arah yang sama dengan keikhlasan Tuhan. Biarlah para pemimpin kita sedar akan akibat ini dan melihat keadaan dalam suasana atau perspektif yang betul. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap? Sila Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang.

4.23 ptg.

Tuan Mustafa bin Awang: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya berdiri untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa 'seriau' di mana ada di antara Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dengan tidak berfikir panjang menuduh Kerajaan dan sama sekali telah menimbulkan rasa kecil hati di kalangan orang Melayu bukan sahaja di dalam Dewan ini malah di seluruh negara. Saya tidak fikir Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan berucap sedemikian rupa dalam keadaan dan suasana negara yang seperti **ini**. Walau bagaimanapun, saya tidak nafikan bahawa hak mereka untuk berkata sedemikian adalah kebebasan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, apakah dalam tempoh selama itu rancangan demi rancangan telah dibuat dan dilaksanakan oleh Kerajaan? Apakah ini semata-mata demi untuk orang Melayu sahaja atau merangkumi semua kaum yang ada di dalam negara ini? Saya berharap Yang Berhormat yang tersebut memikirkan perkara ini sekali lagi sebelum berucap di dalam Dewan yang mulia **ini**. Saya tidak fikir kata-kata kesat yang seperti ini telah dilemparkan di dalam Dewan ini yang menyentuh

perasaan yang boleh menyinggung saya sebagai orang Melayu pribumi negara Malaysia yang dicintai ini [**Tepuk**].

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini dengan penuh rasa terharu dan rasa tidak rela sama sekali, hatta saya mati di Dewan iai pun maka saya tidak setuju bahawa Ahli kawan-kawan di dalam parti komponen telah menuduh Kerajaan yang ianya bersama-sama menikmati merasai nikmat yang dilaksanakan oleh Kerajaan yang dibuat oleh para pemimpin.

Jadi, dengan sebab itu saya berseru kepada saudara-saudara yang lain yang ada di dalam Dewan ini, sebelum bercakap berfikir lebih dahulu. Dengan sebab itu ada falsafah mengatakan bercakap biarlah dengan hati, jangan dengan lidah, walaupun dada panas, tetapi kepala mestilah sejuk barulah kita dipanggil pemimpin negara kerana mereka yang berada sebagai Ahli Dewan ini bukan, lagi dipanggil pemimpin kecil, ini adalah pemimpin dan pemerintah negara, bukan pemerintah sebuah kampung baru ataupun kampung lama [**Tepuk**].

Jadi, dengan sebab itu saya nasihatkan kepada saudara yang berucap sedemikian ini supaya waspada jangan sekali-kali Melayu naik darah. Saya minta sungguh-sungguh demi kepentingan kebajikan dan perpaduan kaum di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebut yang pertama tadi, apakah selama ini puluhan ribu, ratusan juta, kita telah belanjakan demi kepentingan rakyat, apakah tidak termasuk bangsa Cina dan India dalam menikmati kekayaan negara ini? [**Tepuk**] Saya minta saudara-saudara saya yang berucap tadi memberi jawapan kepada saya dan

kepada bangsa Melayu di dalam Dewan ini dan kepada negara.

[Tepuk]

Saya percaya seluruh umat sama ada Melayu atau lain-lainnya di dalam negara ini dan saudara-saudara negara jiran telah membuat suatu pengakuan bahawa negara Malaysia ini telah banyak tolak ansur-nya malah pernah dikenal negara Malaysia ini sangat longgar dengan demokrasinya. **[Tepuk]** Apakah lebih baik negara India, apakah lebih baik negara Bangladesh, apakah lebih baik negara Taiwan daripada negara ini? Kalau mereka ini berkata sedemikian sila berangkat keluar dari Malaysia ini **[Tepuk]**.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mustafa, nanti sekejap, boleh beri peluang?

Tuan Mustafa bin Awang: Ya.

Tuan Ng Peng Hay: Untuk penjelasan. Saya berharap Yang Berhormat rakan saya itu tarik balik tentang hal keluar daripada negara ini kerana kami adalah generasi baru yang telah lahir di negara ini akan mati juga di negara ini. Kerana kesetiaan kepada bangsa dan negara, kami menyampaikan perasaan dan hasrat rakyat.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan menarik balik kerana saya ada alasan, sekiranya mereka yang menjadi warganegara di dalam negara Malaysia ini yang rasa kurang senang dan yang tidak senang hati dengan pemerintahan Malaysia, maka boleh berangkat keluar daripada negara ini. Tidak kira siapa dia orangnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, nampaknya Dewan kita sudah menjadi sedikit hangat. Saya memohon ampun dan maaf, sila Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian daripada semua kaum dalam Dewan ini hendaklah mengeneipkan perkara-perkara yang boleh menimbulkan perasaan persefahaman perkauman di dalam Dewan yang mulia ini.

Walau bagaimanapun, saya mempersilakan Yang Berhormat untuk menyambung semula.

Tuan Mustafa bin Awang: Ya, saya berterima kasih di atas nasihat Tuan Yang di-Pertua. Saya juga menyampaikan perasaan pri-bumi di dalam Dewan ini kerana di Dewan ini telah diberi perlindungan. Tuan Yang di-Pertua, adalah sangat mustahil

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, Ahli Yang Berhormat. Mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya dengan sukacitanya menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom untuk mempengerusikan Dewan kita pada petang ini. Dipersilakan [**Tepuk**].

[Tuan Haji Shaharom **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Sila Yang Berhormat, teruskan perbahasan.

Tuan Mustafa bin Awang: Sebelum saya meneruskan perbahasan, saya lebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana diberi kepercayaan untuk mengendalikan sidang Dewan yang sangat penting ini.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Terima kasih.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, adalah sangat mustahil apa yang saya sebut pada awal-awal tadi, ribuan juta ringgit telah kita laksanakan demi kebajikan rakyat dan negara kita ini. Ini adalah bertujuan semata-mata memberi peluang kepada rakyat yang cerdas fikirannya, yang cerdiknya, yang otaknya baik untuk mengambil bahagian di dalam apa jua perancangan-perancangan yang dibuat oleh Kerajaan.

Maka terpulanglah kepada rakyat itu sendiri sama ada ianya mahu atau tidak mahu. Maka tentang diskriminasi Kerajaan kepada rakyat miskin terutama sekali kaum Cina yang disebut, saya nafi perkara ini tidak berlaku. Demikian juga tentang pembahagian tanah, apakah mereka yang bercakap ini baru sedar semenjak menjadi Ahli Dewan ini bahawa undang-undang tanah terletak kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Ada dengan tatasusila dan aturcaranya sendiri. Apakah tidak ada bangsa lain selain daripada Melayu memiliki tanah di dalam negara **ini**.

Saya telah difahamkan seorang sahaja tuan tanah di dalam negara ini sama luasnya dengan Pulau Langkawi, tetapi bukan orang Melayu. Apakah ini menjadi satu kenyataan? Tidak ada satu orang Melayu dalam negara Malaysia ini yang telah memiliki tanah seluas **itu**. Apakah ini tidak bersyukur, apakah ini tidak berterima kasih, apakah tanah itu, negara asing atau tanah yang turun dari langit yang didirikan oleh Kerajaan langit? Saya rasa tanah itu adalah kepunyaan Kerajaan Malaysia. Kalau benar-benar Kerajaan ini merupakan Kerajaan pilih kasih, penekanan dan zalim, maka tanah itu tidak akan dikurniakan kepada mereka. Jadi, dengan sebab itu, saya berharap mereka yang bercakap seperti ini siapa sahaja dialah lebih dahulu menarik balik perkataan-perkataan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, apakah selama ini segala perjanjian yang dibuat sama ada dengan bentuk ikrar dengan bangsa-bangsa lain terutama sekali bangsa yang ada dalam parti Komponen Barisan Nasional memberi peluang ini di bawah Dasar Ekonomi Baru, sedangkan ada mereka yang menuduh bahawa orang Melayu sahaja

yang menikmati kekayaan, apakah orang lain kebulurah? Beri saya bukti dan kenyataan berapa ribu Cina dan India dan lain bangsa yang telah mati kebuluran di dalam negara ini. **[Tepuk]** Setakat ini belum ada, kecuali yang gila, yang mabuk dadah, itu dia mahu mati sendiri. Dia minta mati sebelum Tuhan beri mati. Dengan sengaja kelaparan di kaki lima tidak ada. Ini menandakan bahawa satu perasaan dengki dan khianat kepada saudara di dalam negara ini sendiri. Kononnya orang Melayu mahu mendapat sedikit sahaja, baru- ada warung, bukan ada gudang, maka ada orang lain sudah cuba memasuk jarum menghasut sesama sendiri supaya rancangan Dasar Ekonomi Baru ini terbantut,

Apabila rancangan ini terbantut maka berlakulah kononnya huru-hara seperti berlakunya **13hb Mei, 1969** dahulu. Ada orang yang padankan ini dengan apa yang berlaku di Sri Lanka kononnya. Usah dipadu dengan Sri Lanka dan lain-lain negara. Padankan, padukan dengan negara Malaysia ini sahaja. Apakah Kerajaan buka PELDA umpamanya, Kerajaan buka FELCRA, orang Melayu sahaja yang ada di dalamnya, tidak adakah giant company, dengan izin, yang menjadi kontraktor terbang-tebas dan sebagainya. Selain daripada itu, tidak pernahkah orang lain daripada orang Melayu memiliki pekerjaan sebagai kontraktor? Apakah membuat jalan, lebuh raya dan sebahagian raya lagi, jambatan dan sebagainya tidak ada orang bukan Melayu yang bekerja di situ? Saya rasa mustahil. Peluang ini diberi melainkan kepada mereka yang bodoh. Bodoh dalam erti kata mencari rezeki, sekali pun mereka ada degree dan sebagainya. Tidak mesti orang yang lulus universiti, dia mesti kaya. Kadang-kadang yang tidak tahu tulis, dia kaya. Berapa banyak taukeh di Pulau Pinang tidak tahu

sain, dia hanya cap ibu jari sahaja, tetapi 3/4 Pulau Pinang dia punya. Begitu juga di Kuantan, begitu juga di Kelantan dan begitu juga di Terengganu, taukeh tidak tahu sain, cap ibu jari sahaja, dia ada bangunan 9 lapis, bukan sekarang tetapi 30 tahun dahulu. Apakah ini bukan satu kenyataan bahawa Kerajaan adil? Apakah menggunakan Dewan ini sementang-mentang Dewan ini bebas untuk berkata menggunakan ini menuduh Kerajaan dan menyinggung perasaan kami orang-orang Melayu. Saya tidak rela sama sekali, Tuan Yang di-Pertua.

Dengan sebab itu, saya minta sungguh-sungguh dalam suasana sekarang ini, Dasar Ekonorai Baru belura habis tempohnya. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rakan-rakannya di dalam Kabinet menyatakan kepada rakyat apabila penyambungan Dasar Ekonomi Baru ini dilaksanakan segala fikiran dari semua peringkat akan ditniata bagaimana hendak melaksanakan cara yang lebih baik, cara, yang lebih adil. Apakah ini tidak ada satu cara, tidakkah ini satu keadilan, tidakkah ini satu demokrasi, apakah ini diskriminasi lagi? Saya tidak fikir Kerajaan sekarang ini memilih kasih menekan serta zalim kepada orang-orang miskin selain daripada orang Melayu.

Saya juga suka mengkritik Kerajaan. Dalam peruntukan Perbekalan ini daripada B1 sampai B54 ada perkara-perkara yang harus dititik-beratkan, diingatkan Kerajaan. Tetapi bukan menuduh Kerajaan kerana Kerajaan itu sendiri rakyat dan rakyat itu Kerajaan. Apabila menyebut rakyat, ianya unsur manusia, manusia tidak lupa dari silap dan salah. Apakah tidak boleh kita berfikir secara tenang supaya kita mendapat sesuatu kesimpulan yang baik bagi kebajikan semua kaum. Adalah mustahil Kerajaan Malaysia ini apabila menyebut sepatah sahaja, semua orang menjadi kaya, semua orang menjadi pandai. Kita terpaksa buat cara dikit berdikit.

Kadurig-kadang mereka yang kita suruh, kadang-kadang mereka yang kita beri peluang, mereka ini juga meranakan peluang yang diberi kepada mereka. Apakah orang lain yang salah kalau ia sendiri telah meruntuhkan keadaan dia. Saya tidak fikir begitu.

Contohnya mudah sahaja. Kerajaan adakan sekolah rendah, Kerajaan adakan sekolah menengah, Kerajaan adakan Universiti tetapi ada di antaranya yang tidak lulus. Apakah ini salah Yang Berhormat Anwar Ibrahim sebagai Menteri Pendidikan kerana ia tidak lulus? Semua alat ini telah disediakan oleh Kerajaan, tepuk dada tanya selera. Sehingga ada orang yang tidak kahwin pun sedangkan berapa ramai orang lelaki yang tidak kahwin dan wanita yang tidak kahwin, hendak salahkan siapa? Hendak salahkan Dr. Mahathir, hendak salahkan Dr. Yusof Nor? Tidak boleh, ini harus difikirkan. Mengapa kita tidak syur?

Kalau bercakap pandai menyebut Tuhan tetapi mengapa tidak syukur kepada Tuhan, rezeki yang telah kita nikmati? Kerana Tuhan telah kata, dalam bahasa Melayu saya boleh sebut. Tuan Yang di-Pertua, syukur nikmatNya sekali, lepas itu akan diganti, kalau engkar akan diberi papa kedana, diberi laknat. Jangan pandai menyebut sahaja, kena tahu selok-beloknya. Jangan cuba menyalahkan orang lain kerana kita bodoh, kerana kita terlambat. Ada orang mengejar pangkat, ada orang mengejar nama, dia tidak mahu mencari harta. Bukan semua orang hidup hanya mahu mencari harta. Ada orang mencari makan dengan berpada-pada. Ada orang mencari harta sehingga tinggi langit, tidak sama.

Apabila keadaan. itu sudah tidak satna, maka kita tidak boleh marah orang lain. kalau kita miskin. Apakah tidak ada lain tanah selain daripada tanah orang Melayu yang terbiar, tanah orang Melayu sahaja yang terbiar? Tidak ada tanah orang lain terbiar? Apakah semua kawasan perumahan. orang lain itu bersih, kawasan orang Melayu sahaja yang kotor? Di sekitar rumah orang lain ada ditanam dengan cili, sayuran dan sebagainya, tetapi orang Melayu sahaja yang malas? Mustahil. Orang Melayu sudah lama rajin, orang Melayu sudah lama menjalankan keadilan khususnya UMNO ini, kalau tidak dia tidak boleh bertahan selama 30 tahun mengendalikan dan menjadi tulang Belakang Kerajan.

Maka adalah tidak wajar kalau ada sesiapa terutamanya orang bukan Melayu menuduh orang Melayu melakukan kezaliman kepada bangsa lain. Kita sentiasa kasih sayang dari segi erti kata perpaduan kepada orang,lain juga, Tuan Yang. di-Pertua. Saya fikir, Tuan. Yang di-Pertua juga sayangkan kepada orang lain, tetapi bukanlah sayang mesti masuk dalam satu selimut, tetapi sayang berpada-pada, sayang dalam ertikata pentadbiran, sayang dalam ertikata pemerintahan. Ini kena faham, jangan disentuh, jangan dijolok sarang tebuan nanti merbahaya padahnya.

Kita kena ingat perkara ini. Apakah kita tidak ingat sebagai Ahli Dewan yang mulia, suasana negara sekarang ini, kita bukan. sahaja menghadapi ancaman dari dalam negeri malahan kita menghadapi ancaman dari luar negeri bukan dalam satu faktor, bukan dari segi perang, bukan dari segi strategi tetapi soal perdagangan, ekonomi, pendidikan dan subversif termasuklah ancaman Zionis itu sendiri yang akan menghancurleburkan dan akan menelan negara kita ini. Kita kena

sedar kalau negara ini ditelan sekali lagi, dijajah sekali lagi, saudara-saudara yang berkenaan itu tidak ada dalam Dewan ini, mungkin termasuk saya dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Ini kita kena ingat.

Tuan. Yang di-Pertua, saya menyebut mengenai B.1 sampai B.54, Jadi sampailah masanya saya mengkritik Kerajaan pula. Yang pertama sekali saya hendak sebutkan. peruntukan yang paling besar diberikan kepada kementerian yang berkenaan ialah Kementearan Pelajaran. Kementerian Pelajaran ini memang tidak sudah-sudah, selagi ada muka bumi Malaysia dan rakyatnya, negara ini tidak ditelan oleh gergasi-gergasi dunia, maka semua kementerian diberi peruntukan tetapi kementerian. yang menelan banyak habuannya ialah Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyebutkan bahawa di negeri-negeri Pantai Timur dan saya harap negeri-negeri lain tidak berkecil hati, sebagai mukadimah saya tentang kritik Kerajaan ini, negeri-negeri di pantai timur memang terkenal dari dahulu lagi negeri-negeri yang miskin. Miskin bukan dalam erti kata duit ringgit, apa lagi sekarang ini di Terengganu ada emas, Kerajaan Terengganu murah hati, ada dua jenis emas yang besar. Yang peCama emas hitam, yang kedua emas kuning. Emas hitam ialah minyak, emas kuning, benar-benar emas, emas sepuluh, emas sembilan, emas lapan. Jadi, Kerajaan tidak bemiati untuk melombong sendiri atau oleh badan-badan Kerajaan yang lain, tetapi diberi peluang kepada rakyat khususnya rakyat negeri Terengganu untuk mendulang. Dalam peraturan tersebut, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya terlupa tadi, sepatutnya saya menyebutkan Kementerian Pendidikan. Jadi memang saya jahil sedikit, tetapi lebih kurang juga kerana kementerian baru

berpindah. Saya mengakui kesalahan ini kesilapan saya. Jadi mengaku itu orang kata hysteria tetapi saya bukan hysteria, mengaku silap saya menyebut. Jadi di Terengganu dan negeri-negeri lain. di paatai timur contohnya Terengganu emas diberi peluang kepada rakyat sama ada lelaki atau perempuan yang berumur lebih kurang 18 tahun ke atas mencari emas seberapa banyak yang boleh. Mengikut ingatan saya Kerajaan Negeri Terengganu tidak pernah menyebut satu perkataan. dalam peraturannya bahawa yang bukan Melayu tidak dibenarkan mencari emas. Ini satu bukti bahawa Kerajaan Barisan Nasional sama ada peringkat Pusat dan peringkat Kerajaan Negeri tidak pilih kasih.

Saya tidak tahu barangkali kalau Tuan Yang di-Pertua menerima telefon dari YAB Menteri Besar Terengganu bahawa orang bukan. Melayu tidak diberi peluang mencari emas. Ini bukan cari bijih, Tuan Yang di-Pertua, cari emas. Ada orang yang mendapat antara. S200 \$300 sehari pun, ada. Sehingga di dalam kawasan. itu tak kurang 4,000 orang mendulang emas seolah-olah sebagai satu pesta sehinggakan dikenali sebagai kawasan pelancongan emas di Rusila. Bukan kerana tuah orang lain kerana emas itu sudah lama, sudah ada. Ada orang kata kerana tuah, orang baca doa dekat situ, tidak. Tetapi itu pun wal-Allahu aklam, kita tak tahulah, itu doa dengan Tuhan Allah SWT. Sejauh mana mustajab doa dia. Tetapi saya pernah diberitahu oleh nenek saya bahawa. kawasan itu sejak beratus tahun--dahulu sebelum lahir orang yang berdoa, yang disebut berdoa itu, memang emas sudah ada di situ. Dengan cara senyap-senyap orang tua-tua sudah cari emas itu, cuma saya hendak tekankan di sini bahawa peluang ini diberi kepada semua kaum tetapi peringkat mula ini hanya diberi kepada kaum yang berada di dalam negeri Terengganu sahaja. Jadi

orang lain buat sementara ini jangan berkecil hati kerana pendapatan per kapita rakyat negeri Terengganu kedudukannya masih miskin sekarang ini mengikut Buku Biru yang ada ini. Jadi dengan sebab itu, jelaslah kepada kita bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini sama ada Pusat dan Negeri tidak pernah pilih kasih.

Mengenai dengan pendidikan ini ialah mengenai dengan pembinaan sekolah-sekolah menengah baru, apa yang telah diberitahu oleh pihak yang berkenaan di Terengganu tergendalanya sangat banyak, sepatutnya sekolah itu boleh didirikan dan boleh digunakan pada tahun lalu 1987 misalnya, ianya masih berpanjangan sehingga sekarang ini dan mungkin berakhir pada tahun 1989, Yang pertama sekali ada kontraktor yang tidak berjaya, kontraktor-kontraktor ini juga bukan terdiri daripada orang Melayu sahaja di Terengganu walaupun Terengganu dipanggil sebuah negeri Darul Iman tetapi tak kurang kontraktor bukan Melayu yang menjadi kaya raya. Kadang-kadang kontraktor Melayu menjadi pengemis untuk menjadi subkontrak kerara pernah tidak dilayan oleh kontraktor yang bukan bumiputera itu. Apakah ini masih pilih kasih? Apakah orang-orang Melayu ataupun Kerajaan negeri Terengganu itu sendiri sebagai contoh mencari kontraktor yang mengucap dua kalimah syahadat sahaja tidak termasuk kalangan orang-orang yang bukan Melayu. Ini hujah saya, Tuan Yang di-Perta. Ini tanda yang menunjukkan kita tidak pilih kasih dan demikian juga di negeri-negeri lain umpamanya di negeri Kelantan dan Pahang.

Sebab kita galakkan mereka mencari makan, mencari kekayaan di dalam negeri ini dengari satu syarat, dengan tidak menjejaskan kedudukan kebajikan negara ini dan tidak menjejaskan perpaduaa negara ini. Itu kehendak kita.

Saya tidak fikir Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir mahu rakyatnya semua miskin. Kalau rakyatnya semua miskin barangkali barulah berlaku seperti yang berlaku berebut-rebut. Ini yang Kerajaan mahu. Falsafah Kerajaan mahu rakyatnya kaya, mudah-mudahan Yang Berhormat Tuan Mohamad Parid akan dapat income tax dengan banyaknya. Kalau semua rakyat miskin cukai pendapatan tidak ada, dia pun susah hendak kira. Tidak payah pakai kerani, tidak payah pakai Akauntan. Sekarang ini pakai komputer. Ini menunjukkan duit banyak, wang banyak. Wang siapa ini? Orang Melayu sahajakah, tidak. Tentulah daripada orang-orang yang bukan Melayu juga.

Saya mengucapkan syabas kepada mereka yang ikut aturan dan peraturan, bayar cukai Kerajaan, jangan lari. Ini ada berlaku, apabila kaya Australia jadi tempat tinggal. Yang-melakukan kesalahan jenayah wang dia lari ke Brazil, Argentina kononnya di sana INTERPOL tidak boleh masuk, Bawa duit ke sana. Jangan berlaku begitu. Inilah jenis manusia yang saya sebut tadi. Kalau kurang senang dengan Malaysia sila angkat keluar dari sini. Itulah orangnya, orang yang durhaka kepada aturan dan peraturan negara. Kalau Ahli-ahli Dewan ini sekalipun, melakukan kesalahan kita tidak lupa. Yang salah ISA pun kita masuk ke dalam. Kita tidak lepas free. Demikian juga orang-orang UMNO sebab kita hidup di bawah aturan dan peraturan. Kita yang buat undang-undang, kita yang lulus undang-undang, lepas itu kita maki undang-undang yang kita buat. Apakah

ini? Hendak dipanggil apa ini? Saya serahkan kepada Tuan Yang di-Pertua panggil, saya tidak payah panggil di sini.

Jadi, saya minta Menteri Pendidikan mengambil perhatian selain daripada negeri-negeri Pantai Timur ini barulah beredar ke negeri-negeri lain yang saya kira tidak kurang pembinaan sekolah ini masih belum dilaksanakan mengikut jadual yang dipastikan, yang ditentukan. Kerana apabila sekolah ini tidak dapat diguna/pakai maka yang menjadi mangsa ialah anak-anaknya. Sebelum anak-anak menjadi mangsa maka emak-bapalah menjadi mangsa kerana terpaksa menyekolahkan anak-anaknya lebih jauh daripada tempat tinggalnya, memerlukan duit-ringgit yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu B.19 - Kementerian Pertanian. Memang, Kementerian ini bila-bila dia kena saboh! Jadi Menteri yang berkenaan, Timbalannya, Setiausaha Parlimennya pun tidak ada di sini. Saya harap pegawai kanannya ada di sini. Sampaikanlah salam saya kepada Menteri dan Timbalannya, kepada Kementerian yang berkenaan ini, kerana Kementerian ini ialah Kementerian yang betul-betul menyediakan rezeki, salah satu Kementerian yang menyediakan rezeki kepada rakyat negara ini. Selain daripada menyumbangkan ekonomi negara yang memberi rezeki kepada rakyatnya. Jadi, Kementerian ini juga banyak dapat duit, peruntukan daripada Kerajaan.

Saya berharap supaya rancangan taliair yang dulunya hendak ditanam padi secara besar-besaran di kawasan Pantai Timur selain daripada Kelantan dan Terengganu ialah Endau-Rompin. Endau-Rompin ini mengikut sumber-sumber yang pasti telah membelanjakan sebanyak kira-kira \$70 juta dibuatnya taliair, dibuatnya parit, dibuatnya batas dan sebagainya lagi. Barangkali apabila disiasat semula tanah-tanah di kawasan ini kurang sesuai dengan padi, Tetapi pada saya tidak yakin. Tanah Endau-Rompin ini tidak sesuai dengan padi kerana ada di Endau itu orang tanam padi, hidup subur. Kalau kurang pun sedikit daripada Sabak -Bernam, kerana Sabak Bernam ini kawasan padi yang betul-betul istimewa. Endau-Rompin ini kampung baru, tanah'sawah baru. Maka ditulis pula report atau laporan tanah ini tidak sesuai dengan padi hendak diganti dengan tanaman lain. Tetapi yang \$70 juta tadi telah hampir lesap, batas dan parit rabak, runtuh ditinggalkan begitu sahaja. Jadi, saya terpaksa menyebut Kementerian yang berkenaan.

Baru dua tiga hari yang lalu apabila salah seorang Ahli Dewan ini bertanya - dari Pahang, bagaimana kedudukan dengan Endau-Rompin? "Usaha-usaha sedang dijalankan, tindakan akan dilaksanakan dan akan diganti dengan tanaman lain." Timbalan Menterinya sungguh cerdas pasal menjawab. Cukup cerdas macam dia sudah berlatih dua tiga hari hendak menjawab. Itu sahaja jawapannya. Tetapi, saya kurang senang dengan jawapan itu, kerana peruntukan \$70 juta bukan kecil punya peruntukan. Kawasan ini sebahagian besarnya telah ditebang tebas dibuatnya parit. Maka saya berharap Kementerian yang berkenaan mengkaji semula dan kalau ada tanaman baru yang hendak

diganti selain daripada padi sama ada kelapa sawit, koko, getah, anggur, apples dan lain-lain hendaklah dilaksanakan segera supaya Kerajaan tidak akan difitnah, tidak akan ditempelak.

Kalau dulu sebelum kita membuat sesuatu perancangan, memang Kerajaan beri ahli-ahli bijak pandai menyiasat, menyelidik dan melapor kepada Kerajaan, kadang-kadang sampai 500 muka. Tidak ter-baca Menteri, Ketua Setiausaha pun tidak baca report ini habis-habis. Memang begini keadaanya. Bukan saya tuduh Ketua Setiausahanya malas, tidak. 500 sampai 1,000 muka ini, Tanah jenis itu, jenis ini, harimau, jagung, kunyit semuanya ada dalam report pasal tanah. Masa, kelat, payaulah semua ada. Tetapi last report itu tiga empat baris sahaja "boleh ditanam dengan tanaman padi."

Lepas itu datang pula report lain, selepas adanya pilihanraya. Bertukar pula Menteri. Ini satu lagi penyakit. Kononnya Menteri yang berkenaan melantik pula satu pasukan lain, juru perunding lain. bayar pula ratus ribu ringgit. Juru Perunding ini menulis pula, padi tidak sesuai, anggur sesuai. Tukar pula seorang Menteri, anggur tidak sesuai, sebab negara ini panas. Tanam tembakau sesuai. Mari pula Menteri lain, kempen pasal anti-merokok, kurangkan kuota tembakau; tidak boleh tanam tembakau, tanam manggis pula sebab Jepun beli \$6 sebiji. Sebuk aeluruh negara tanam manggis. Di sana pekek, di sini pekek. Pisang emas, pisang tembaga, pisang besi! Belimbing besi, Tuan Yang di-Pertua, kalau orang Jepun atau orang putih tidak tahu belimbing besi, dia tidak tahu jenis buah, memang tidak makan. Besi memang keras, habis. Apabila heboh keadaan itu reda. Orang Jepun kata orang Malaysia tipu aku. Orang Malaysia

tipu aku, kata dia. Sebab apa jadi macam ini? Sebab ada sabotage.

Kerajaan hantar rombongan dagang cara rasmi. Saya tidak tnenuduh pegawai-pegawai Kerajaan. Satu hari kerja dua jam, duduk hotel bertaraf international. Apa dia buat Wallahualam, ini kerja peribadi. Lepas itu dia balik, dia tulis report, Dalam kapalterbang dia draft; balik diserahkan kepada Setiausaha yang kelima "mu buat, beri siap. Beri kepada aku, nanti Menteri panggil." Lepas itu tidak berjaya.

Datang rombongan persendirian yang mahir yang tidak tahu tulin-baca, pakai cap jari aahaja. Pakai cap jari dia beri elaun \$10,000 sebulan suruh baca menu sahaja macam mana hendak makan di Jepun besok, tunjukkan. Kalau kena benda lain, takkan ke Balai Polis! Orang ini masuk jarum perlahan-lahan. Jangan beli pisang . dia, pisang aku lebih murah. Apabila kita pergi ke Port Klang, kita pergi Pasir Gudang, pisang tidak ada. Tetapi kalau pergi ke Singapura "pisang dari Malaysia" untuk ke luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, berapa pokok batang padi ada di Singapura? Berapa pokok balak ada di Singapura? Berapa batang getah ada di Singapura? Berapa ekar kelapa sawit ada di Singapura? Berapa pokok koko ada di Singapura? Berapa ratus batang pisang mas ada di Singapura? Maka barang-barang ini berlonggok dan harga lebih murah daripada Malaysia. Mengapa terjadi sedemikian? Sabotage!

Saya hendak sebut satu lagi, bukan hendak menggunakan kebebasan Dewan, ada special pakatan, ini yang lebih takut, kutnan dalam tulang lebih dahsyat dari leukaemia, lebih dahsyat daripada AIDS. Anak saudara berpangkat tinggi, bapa saudara peniaga. Dia tulis "SULIT" sebab dalam rancangan hendak dilaksanakan pada tahun, tahun sekian. Anak saudara sudah beritahu bapa saudara. Bapa saudara sudah tahu dahulu tiga bulan apa perancangan yang hendak dibuat oleh rancangan sulit Kerajaan. Ini AIDS dalam Kerajaan. Saya berharap mereka yang berkenaan salidik ini, hapuskan ini, banteraskan ini supaya ianya tidak berlaku berulang-ulang kali. Kita akan rugi juga jawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu monopoli masa ini tetapi saya terpaksa kena sebut. Saya lambat mencari di sini iaitu mengenai Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Menterinya lebih kurang seperti saya, saya pernah bertanya dahulu, baru saya bertaklimat di Kuala Terengganu dan di aini saya tanya tidakkah ada wakil Pelancong Malaysia ini di negeri-negeri ataupun di negara-negara Arab yang banyak duit? Jawabnya setakat ini belum ada. Dua tahun dahulu saya tanya, setakat ini belum ada, itu tahun 1987 tahun 1988 tanya, setakat ini belum ada. Tidak beberapa hari lagi kita akan menerima tahun 1989, mungkin belum ada juga. Di mana ada? Peruntukannya banyak.

B.21 - Pelancongan. Ini angka bertuah kepada orang main judi nombor 21 ini. Saya minta Kementerian yang berkenaan ini berusaha seboleh-bolehnya cari pegawai-pegawai yang pandai bercakap bahasa Arab, macam Tuan Yang di-Pertua, boleh dibawa dia ke sana, cakap bahasa Arab sebab orang-orang Arab tidak tahu bercakap Orang Putih, bukan semua. Jadi hendak menerang, hendak tnenghuraikan keadaan Malaysia ini tentang pelancongan tentulah sulit. Ambil pegawai-pegawai ini terangkan kepada mereka atau gunakan pelajar-pelajar tahun akhir di negara-negara Arab, beri dia imbuhan dan sebagainya sama ada tambang free pergi balik, tempat makan minumannya setahun supaya dia boleh kempen kepada tok-tok Arab ini supaya datang ke Malaysia membelanjakan wang ringgitnya yang banyak. Jangan terus ke Bangkok sahaja sehinggakan ada beberapa hotel di Thailand ditulis perkataan "Mekah", bukan "Mecca". Dia tulis perkataan "Makatul-mukarmah" di hotel-hotel. Nasib baik dia tidak rasmikan ini Mekah yang kedua, Orang-Arab berduyun-duyun ke sana berapa ribu sehari belanja? Negeri kita ada yang pakai seluar pendek, datang kemari belanja di Merlin dengan duit syiling. Bilangan 4 juta, 10 juta pelancong, belanja \$15 sebulan. Duduk di sini sebulan tetapi tidur di tepi laut, berbau pun tengik.

Kita minta pelancong datang bukan suruh ajar agama. Suruh dia bawa duit belanja di negeri kita, baru betul. Beli alat kerajinan kita, biarlah ada kerjasama, beli songket kita. Apa yang dibuat di Terengganu, misalnya tembaga, belilah tembaga Terengganu, beli pewter di Selangor, tetapi jangan lupa pewter Pulau Pinang kena

beli sama, beli batik dan sebagainya. Itu kehendak kita, bukan bilangan pelancong berbelas-belas juta masuk tidak bawa duit, tumpang kereta dok asyik signal jari sahaja. Ini bukan pelancong yang istimewa, ini pelancong yang marhaem, ini tidak guna punya pelancong. Kita mahu pelancong charter MAS kita, charter daripada England, sebulan kepalterbang dia punya, biar duduk di sana, itu baru betul. Gunakan orang-orang Arab ini dan juga negara-negara lain.

Saya harap Menteri yang berkenaan mengambil perhatian. Malangnya Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen tidak ada dalam Dewan ini. Dukacita rasa saya. Kalaupun ke Dewan lain selain daripada Dewan ini, cara bahagi-bahagilah baru betul.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Yang Berhormat, saya telah duduk di sini sudah 37 minit, maknanya Yang Berhormat telah bercakap lebih daripada setengah jatin. Sila teruskan [Ketawa]

Tuan Mustaffa bin Awang: Saya rasa kecut hati, saya ingat Tuan Yang di-Pertua hendak suruh saya berhenti, memanglah saya dukacita. Mujurlah, alhamdulillah, terima kasih banyak-banyak.

Selain daripada itu saya juga pernah bertanya di Dewan ini sejauh manakah kemudahan-kemudahan yang boleh diberi oleh Kementerian ini di pulau-pulau di sekitar negara kita? Dia jawab membuat jetti ini Kementerian Pengangkutan. Bila ditanya Kementerian Pengangkutan, dia kata kita buat di darat sahaja, di laut kurang. Kalau pulau-pulau kita banyak, kita kata indah sana indah sini, kemudian ada bot atau sampan hendak pergi berlabuh sampai tepi pulau itu semua orang kena buka kain, buka seluar hanya tinggal seluar dalam sebab kena berenang ke tepi. Pelancong mana yang hendak

datang ke pulau kita? Pelancong-pelancong sekurang-kurangnya dia naik boat sampai dekat jetti dia terus melompat dan berjalan kaki, dia buka kasut kerana kena terjun. Saya harap kedua-dua Kementerian ini berunding dan bekerjasama membina jetti-jetti yang patut di pulau di sekitar negara kita bagi kemudahan pelancong-pelancong dalara dan luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, ini ada satu lagi iaitu B.12 - Jabatan Perpaduan Negara. S. 12 ini ada di mana-mana dalam negara kita. Saya dapat banyak cerita di Terengganu, sebab saya orang dari Terengganu. Saya nampak Jabatan Perpaduan Negara ini berkerja kuat, bukan tidak bekerja. Tetapi kekesanannya tidak, berkesannya kurang sebab saya nampak majlis-majlis dan perjumpaan yang dibuat ini kadang-kadangnya orang-orang Melayu-ramai sangat, orang lain tidak ada. Ini baru saya hendak sebut, saya hendak kritik juga Jabatan ini. Hal saudara saya yang bukan Melayu tadi, saya bela dia. Bukan Melayu pun harus, ada di dalara majlis itu baru perpaduan. Kalau sama-sama Melayu, perpaduan bukan tidak bagus, sudah bagus, tetapi kita hendak ambil orang lain, kita berpadu. Saya harap Jabatan dan pegawai yang berkenaan mengambil perhatian, menjelajah negara-negara ini lihat rekodnya bagaimana.

Tuan Yang di-Pertua, B.15 - Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Jabatan ini satu masa dahulu pernah dia bukan merancang tetapi memunahkan bandar dan desa. Kadang-kadang ada tanah di tengah bandar dibelahnya beberapa, kalau pegawai itu bukan kena tanah orang dia. Saya boleh sebut sebagai satu contoh, satu canah orang Melayu di dalam bandar Kuala Trengganu ketika itu S88.00 satu kaki persegi. Sepatutnya tanah ini boleh didirikan 4 pintu gudang, di tengah-tengah bandar, Jalan Banggol, Kuala Trengganu. Apabila pegawai yang berkenaan ini bukan serupa dengan tuan tanah, dibelahnya tanah kawan ini, langsung tidak boleh buat apa-apa. Ini penyakit yang ada di Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Saya hendak sebut ringkas sahaja, saya harap mereka yang bertanggungjawab beringat-ingat sebelum merancang sesuatu, sebelum buat sesuatu. Kadang-kadang mereka inilah, rancang punya rancang, sumbat sana, sumbat sini, ada Jabatan Kerajaan terpaksa mendengar nasihat dia. Apabila hendak buat bangunan, hendak buat longkang, begitu begitu - minta nasihat dia. Akhir sekali tersumbat sana, tersumbat sini, banjir Kuala Lumpur ini patut tidak banjir, tidak silap saya 600 kaki dari paras laut, air mesti menurun macam seligi tetapi banjir, apa sebabnya? Mungkin selain daripada tanggungjawab Wilayah Ibukota maka orang Perancang Bandar dan Desa ini juga harus bertanggungjawab, kerana nasihat dia adalah perlu sama ada untuk buat bangunan, rumah murah, rumah mahal dan sebagainya. Saya harap diambil perhatian,

Lain-lain, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Tuan Yang di-Pertua

menyebut taciai semenjak saya di kerusi ini saudara Yang Berhormat telah bercakap 37 minit maka fahamlah saya. Masa hendak dibahagi-bahagikan kepada orang lain. Jadi, dengan sebab itu sebelum duduk, saya berharap seterusnya, kerana kita akan menghadapi pilihanraya, bila - wallahua alam - maka kita mahu lagi rakyat akan memilih Kerajaan kita supaya memerintah dengan adil dan saksama supaya tidak ditohmah dan fitnah oleh rakan-rakan sendiri. Saya berharap berhati-hati. Janganlah kerana kepentingan pemborong-pemborong sama ada bumiputera atau bukan bumiputera maka projek-projek terpaksa dilaksanakan dalam bentuk kecil-kecilan sama ada \$50,000 ataupun \$100,000 ke bawah diluluskan tanpa kira. Tanpa hati-hati dan teliti, akibat daripada pembangunan seperti ini Kerajaan akan terima implikasinya apabila tiba musim meminta mandat daripada rakyat.

Dengan yang deraikian, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Perbekalan yang sedang dibahaskan ini. Sekian, terima, kasih.

Tuan Haji Shaharom bin Maasom: Ahli-ahli Yang Berhormat,, sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat yang lain menyampaikan perbahasannya, terlebih dahulu saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini dalam Fasal 35, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat.

Puan Ainon binti Ariffin: [Bangun]

Tuan Haji Shaharom bin Maasom: Minta duduk dahulu Yang Berhormat. Fasal 35 mengenai dengan isi-isi ucapan. Di situ ada beberapa garis panduan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, terutama sekali di dalam Pasal 35 ceraiian 9(a),(b) dan (c);

"Adalah salah pada peraturan menggunakan:

- (a) perkataan-perkataan derhaka kepada negeri;
- (b) perkataan-perkataan membangkitkan perasaan melawan kuasa Kerajaan;
- (c) perkataan-perkataan yang harus raanaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhati di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia atau melanggar mana-mana syarat dalam Perlembagaan atau Akta Hasutan, 1948 atau apa-apa Akta yang dibuat di bawah Perkara 10(i) di dalam Perlembagaan."

Jadi, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat semua adalah Ahli-ahli Yang bijaksana untuk memahami bagaimana hendak menyampaikan ucapan perbahasan di dalam Belanjawan ini. Banyak perkara yang boleh kita sentuh mengenai dengan Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sebcntar tadi.

Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajjah Ainon Ariffin untuk menyampaikan perbahasannya. Silakan.

5.15 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun dengan penuh semangat kesetiaan kepada negara, dengan penuh rasa tanggungjawab kepada negara dan rakyatnya bagi menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, pertama mula, awal mula, saya ingin

mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan Malaysia yang telah mengemukakan Rang Undang-undang ini yang didapati daripada penerangan beliau tadi dan daripada Akta yang ada di hadapan kita ini nyatalah tujuan murni Menteri berkenaan yang mewakili Kerajaan Malaysia adalah untuk membina, memperkukuh dan mempertegapkan lagi ekonomi negara dengan memberikan peruntukan-peruntukan yang adil kepada semua aspek yang bergerak yang menjadi jentera kepada Kerajaan bagi menentukan rakyat Malaysia hidup dalam kemakmuran, hidup di dalam kedamaian dan menikmati hak asasi mereka dengan adil dan aaksama. Nyatalah dari peruntukan yang telah dibentangkan ini ke semua Kementerian yang menjadi jentera rakyat dibarikan peruntukan wajar dan ada pula beberapa perkara yang telah dimajukan, yang telah ditolak-ansurkan dan yang telah diturunkan cerinasuklah berbagai-bagai perkara yang merangkumi hal ehwal swasta atau diswaatakan.

Terdapat beberapa pembelaan yang dibuat kepada rakyat jelata. Kepada mereka yang perlu sama menikmati kekayaan dan pertambahan pertumbuhan ekonomi kita yang sungguh menarik perhatian kita yang sepatutnya kita bersyukur dengannya kerana dengan kebijaksanaan pemimpin Kerajaan yang ada, ekonomi kita yang pada satu ketika dahulu muram telah menampakkan kecerahan dan telah meningkat seperti yang disebutkan oleh Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya di dalam membahaskan atau dalam hujjah-hujjah menyokong kepada Rang Undang-undang ini, saya tadi terkejut benar kerana tidak menduga bahawa ada di antara kita-kita di dalam Dewan yang mulia ini yang mengakui sebagai rakyat yang setia, mengakui hak kepunyaan asasinya, hidup matinya di negara ini

yang telah memutarbalikkan, saya ulangi, telah memutar belitkan kenyataan dan telah membuat tuduhan-tuduhan yang rasanya tidak wajar, tidak berasas. dan patut ditarik balik. Di antara lain sahabat saya dari Melaka, Senator dari MCA telah menyebut mengatakan bahawa Kerajaan kita telah mendiskriminasikan antara bumiputera dengan bukan bumiputera, terutama rakyat Malaysia berketurunan Cina. Antaranya ia telah memperkatakan dengan perkataan-perkataan yang agak pedas, yang merupakan tuduhan-tuduhan yang menyentuh Peraturan-peraturan Majlis Dewan seperti yang dibacakan oleh Tuan. Yang di-Pertua tadi dan juga menyentuh Akta Hasutan Negara. Beliau membangkitkan rasa tidak puas hati yang begitu teruk bunyinya di kalangan rakyat Cina, seolah-olah negara kita ini sudahpun memangsakan orang-orang kita keturunan Cina ini dengan begitu dahsyat sekali, kerana Senator yang kedua dari MCA juga membawakan irabasan dan membawakan sebagai satu perurapamaan pandangan serta satu iktibar dari negara Sri Lanka.

Tuan Yang di-Pertua, terlalu jauh bezanya di antara Sri Lanka dengan Malaysia . Kalau bumiputera di Malaysia ini bersikap seperti bangsa yang disebutnya tadi itu, nescaya tidak ada kedamaian, perpaduan sehingga pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang hendak melanggar aturan peraturan permesyuaratan di Dewan tetapi saya ingin membuat penjelasan kepada sahabat-sahabat saya ini yang mungkin barangkali sudah terlupa perkembangan sejarah, perkembangan kenegaraan, perkembangan persahabatan, perkembangan perpaduan yang dipupuk sejak tahun 1947 dan 1950an lagi, di antara tiga kaum yang terbesar di Malaysia ini, di mana bangsa yang bernama Melayu iaitu bumiputera negara ini , tuan kepada negara ini, telah-begitu bertolak ansur dengan keturunan Cina dan India lalu memberikan hak-hak kepada mereka sehingga mereka juga sekarang ini kalau didudukkan sudah lebih tinggi daripada bumiputera itu sendiri, kalau didirikan sudah lebih tinggi dari bumiputera itu sendiri [Tepuk].

Apakah mereka lupa sejarah perkembangan negara kita, pakatan baik yang telah kita buat yang telah menimbulkan, menghasilkan begitu banyak faedah dan nikmat dan kebanyakan nikmat ekonomi sebenar-benarnya masih di tangan orang kita bukan Melayu. Seluruh dunia tahu bahawa kuasa ekonomi di Malaysia adalah dipegang oleh bangsa yang bukan bumiputera. Siapa yang boleh menafikan kenyataan ini? Mari kita tanya Amerika, mari kita tanya Britain, mari kita tanya negara-negara ASEAN, mari kita tanya pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia. Pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia akan kagum melihat betapa cantiknya bangunan, betapa indahnya kompleks membeli-belah, berapa banyaknya usahawan-usahawan, berapa

banyaknya kilang—kilang, gudang-gudang, showroom-showroom dan lain-lain bangunan yang mengusahakan perdagangan dan perusahaan di Malaysia tetapi dimiliki oleh keturunan Cina. Bumiputera tidak pernah bersuara sumbang seperti yang kita dengar pada hari ini walaupun ada orang-orang kami membawakan perkara ini kepada Kerajaan memohon keadilan.

Tadi diperkatakan bahawa orang-orang Melayu diberikan hak penuh di rancangan tanah FELDA dan KELCRA. Tuan Yang di-Pertua, fahamkah Yang Berhormat rakan-rakan saya, manakah tanah-tanah yang duduk dalam bandar yang bernilai berjuta-juta ringgit satu ekar dimiliki oleh bumiputera? Satu contoh di Wilayah Persekutuan, Wilayah Persekutuan tanah-tanahnya tiga per empat dimiliki oleh rakyat keturunan Cina, nilainya satu kaki persegi lebih daripada \$80, berjuta-juta ringgit nilai tanah itu, Apakah akan jadinya kalau dibandingkan secara purata dengan keturunan rakyat Melayu mendapat tanah daripada FELCRA, FELDA dengan daya usaha, susah payah dan juga tulang empat kerat mereka, sedangkan bumi itu hak asasi mereka sendiri? Kalau diperbandingkan, tadi beliau menyebutkan mengenai kuota-kuota universiti, apakah keturunan yang lain sudah tidak lagi berterima kasih dengan keturunan bumiputera dengan kuota 55:45 untuk institusi-institusi tinggi dan tidakkah mereka sedar bahawa yang monopoli segala kelulusan cendekiawan dalam bidang-bidang engineering atau kejuruteraan, bidang-bidang perubatan, kedokteran, bidang-bidang arkitek dan lain-lainnya dimonopoli 78% oleh rakyat yang berketurunan Cina kerana mereka bijak, kerana mereka pandai, kerana mereka pintar, kerana mereka mempunyai cukup kemudahan kalau dibandingkan dengan kelulusan-kelulusan lain daripada kalangan bumiputera .

Apakah mereka tidak pernah menilai bahawa kuota-kuota pekerjaan yang disebut dalam pengangguran 40,000 yang menganggur, 75% darinya adalah - bangsa Melayu? Apakah mereka tidak juga sedar bahawa di dalam industri-industri kecil juga di dalam industri-industri berat dan besar, 90% dimonopoli oleh keturunan Cina? Pernahkah bumiputera merengek dan bercakap seperti orang tidak siuman tidak mengetahui akan segala susun-atur prinsip Rukunegara dalam negara-kita ini?

Saya sendiri merasa sedih, rasa terkilan yang amat sangat dengan sikap kawan-kawan kita terutama daripada MCA sejak akhir-akhir ini. Mereka seolah-olah sudah lebih lantang, sudah lebih terang, sudah lebih tidak senang daripada sebuah -parti Pembangkang yang terkenal iaitu DAP. Adakah ini timbulnya dari krisis dalam parti mereka sendiri? Kalau mereka menghadapi krisis dalam partinya kalau mereka- kurang pengaruhnya kerana tindak-tanduk paras pemimpinnya- dengan beberapa peristiwa -peristiwa rasuah dan lain-lainnya, janganlah- pula bumiputera hendak dipersalahkan. Kalau kita tidak pandai menari, jangan tanah atau pelantar dipersalahkan. Perbetulkan dengan cara yang adil.

Perdana Menteri kita seorang yang begitu arif dan liberal fikirannya malahan selalu menerima tentangan dari bumiputera sendiri atas tolak ansur yang diberikan kepada rakyat saudara kawan-kawan kita dari keturunan-keturunan yang lain ini sebenar-benarnya telah banyak memberikan tolak ansur. Janganlah beri betis hendak peha, Tuan Yang di-Pertua, kerana sebenarnya seluruh rakyat yang cintakan kedamaian dan kemakmuran, kesejahteraan di negara ini yang sukar hendak ditandingkan walau di negeri Cina sekalipun tidak ingin kepada Peristiwa 13 Mei berulang lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin mengingatkan kawan-kawan saya, janganlah melagukan nada-nada sumbang dan jangan mengugut kerana tadi ada di antara kata-katanya seolah-olah mengugut kalau Kerajaan tidak mahu menimbangkan, menerima dan memberi apa sahaja yang mereka minta, kehancuran akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, makna kehancuran itu berbagai-bagai dan sangat luas maksudnya. Seperti kata kawan saya tadi, jangan diajar harimau menangkap bangkai, dan jangan diusik sarang tebuan. Sudah terlalu bumiputera menunduk kepala, sudah terlalu kita berlemah-lembut dan bertolak ansur tetapi jangan dianggap kebaikan budi bahasa bumiputera yang terkenal dengan lemah-lembutnya dan tolak ansurnya, dengan suka memberinya sebagai satu kelemahan dan jangan bermain gimmick politik lalu menghasut antara rakyat dengan rakyat, kerana yang rugi semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai sentimen yang disebutkan tadi. Beliau menuduh bahawa Kerajaan kita melalui Kementerian-kementerian tertentu telah memutarbelitkan data-data kemajuan dan penyertaan rakyat, saya ingat ditujukan kepada MAMPU mungkin. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak agensi Kerajaan berkenaan, apakah benar tuduhan ini? Apakah benar kita telah memutarbelitkan data-data penyertaan bukan bumiputera dan bumiputera ini dengan muslihat tertentu? Kalau itu benar, kita pun rasa kesal dan kalau itu sudah wujud di kalangan rakyat Malaysia dan pemimpinnya pula, bagaimanakah kita hendak menilai pemimpin ini, taat setianya bagaimana? Kerana sudah terang-terang menuduh bahawa Kerajaan kita memutarbelit, mendiskriminasi mengabaikan, perkataan

selain daripada itu, mementingkan politik sendiri, memutarbelitkan data, tidak menunaikan janji, menindas, memerah dan lain-lain. Apakah perkataan ini tidak termaktub di dalam istilah penghasutan, Tuan Yang di-Pertua? Kurang arif saya kalau perkenaan begini telah dikeluarkan di Dewan ini, maka kami diminta supaya bersabar, ber-tenang dan tidak usah membuat ucapan balas, tidak rela sama sekali kerana kita tidak pernah mencabar tetapi pantang dicabar, Tuan Yang di-Pertua! **[Tepuk]**

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membawa seperkara lagi mengenai masalah tentang beza-beza antara bukan bumiputera dengan bumiputera ini.

Mengenai Dasar Ekonomi Baru sehingga hari ini yang tercapai di kalangan bumiputera ialah 18%, kita minta 30%, bermakna 70% di tangan siapa, Tuan Yang di-Pertua? Harap Menteri-menteri tolong jawab. Kita minta 30%, 70% di tangan siapa? Di tangan orang Amerika? Di tangan pelabur asing? Di tangan orang-orang Sinhalese daripada Sri Lanka? Daripada Singapura? Tolong jawab! Dan kalau 30% dengan 70%, siapa lebih Tuan Yang di-Pertua? Kalau kami tidak pandai mengira bodohlah kami, kalau 70% dengan 30% itu dianggap sama rata! Permintaan yang 30% belum tertunai, baru hanya 18%. Apakah apabila ini tidak tercapai maka tidak akan berlaku apa-apa pergeseran? Apakah orang-orang bumiputera akan diam, membonyokkan diri, menyembunyikan muka, menerima segala-galanya dengan begitu syukur dan berterima kasih?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan kalau tidak ada kestabilan pendapatan dan rezeki, kalau orang-orang Melayu yang jadi teras kepada negara tidak diperendahkan untung nasibnya, maka tidak akan ada kestabilan di dalam negara ini, tidak akan ada perpaduan yang kukuh di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, janganlah kerana perpecahan sedikit sebanyak di dalam cawan kopi di antara buraiputera dalam UMNO atau Melayu dalam UMNO, maka ada pihak yang ingin menangguk di air yang keruh. Melayu tetap Melayu, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, setakat itulah saya menyentuh dan saya harap selepas ini tidak ada lagi Senator-senator daripada kawan-kawan MCA atau GERAKAN yang berucap

meniup nada sentimen perkauman, meniup rasa permusuhan dan pergeseran, kerana kita bimbang kalau suara ini disuarakan di pendalaman merebaknya terlalu tepat ke bandar, maka kita bimbang keselamatan negara akan tercetus tidak baiknya nanti. Janganlah menyirami api dengan minyak petrol,

Selain daripada **itu**, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pula menyentuh tentang Rang Undang-undang ini **iaitu** peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita, Kerajaan demokrasi, dan Dewan ini dibenarkan mengkritik Kerajaan dari semua aspek, mengkritik pelaksanaan jentera Kerajaan dari semua segi, boleh juga membuat permintaan, cadangan dan hujah, tetapi jangan menuduh dan jangan menimbulkan sentimen perkauman. Kerajaan tetap akan mendengar dan melaksanakan sedaya mungkin segala citarasa rakyat, segala citarasa daripada-golongan-golongan rakyat sama ada keturunan Melayu, China, India dan Bengali yang disuarakan kepada Kerajaan,

Saya menyentuh mengenai pendidikan, Tuan Yang di-Pertua, **iaitu** ingin membuat beberapa komen-komen yang membina mengenai Kementerian ini. Kita mengucapkan tahniah kerana Kementerian ini mendapat peruntukan yang amat wajar dengan fungsinya ataupun dengan daya usaha dan tanggungjawab yang diberikan kepadanya, kerana pendidikan adalah merupakan salah satu daripada Kementerian yang sangat penting dan mustahak untuk menentukan mendidik rakyat, generasi muda khasnya supaya mereka menjadi generasi yang berpengetahuan, yang progresif dan dinamik, yang taat setia kepada Kerajaan yang memberikannya kehidupan yang baik dan yang bersikap sebagai rakyat yang punya sopan-santun dalam ertikata bersatu dengan semangat Malaysianya.

Jadi wajarlah peruntukan ini diberikan kepada Kementerian Pendidikan ini.

Apa yang saya ingin sentuh ialah mengenai kurikulum sekolah-sekolah. Tuan Yang di-Pertua, tidaklah kita menafikan Kementerian ini telah mencapai beberapa kemajuan daripada tahun ke tahun dan kita dapati berbagai-bagai perubahan, berbagai-bagai seminar telah diadakan bagi mewujudkan perubahan-perubahan yang dinamik sesuai dengan pembentukan pendidikan bagi rakyat dalam negara kita ini.

Mengeuai kurikulum ini kita mengkaji daripada apa yang berlaku, maka saya suka memberikan pandangan supaya ianya dikaji semula keseluruhannya kerana ianya rasa saya amat sesuai dengan apa yang telah diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, yang kita kasihi, yang telah menjadi Ketua Negara yang adil dan saksama, iaitu beliau pernah memberikan ucapan di dalam Perhimpunan Agung UMNO yang baru lalu bunyinya:

Dalam usaha membangunkan bangsa dan negara, semua bangsa - bukan Melayu sahaja nanti ada kawan saya yang salah faham lagi;

Dalam usaha membangunkan bangsa dan negara, pendidikan memainkan peranan yang amat penting. Dalam hal ini peranan pendidikan perlu dikaji dari semasa ke semasa dan tekanan diberi kepada kaitan ilmu yang dipelajari dengan kerja yang akan dilaksanakan. Ijazah dari Institusi Pengajian Tinggi tidak bermakna semua kerja boleh dibuat oleh pemegangnya, demikian juga keperluan negara dalam zaman teknologi, kegunaan teknologi moden secara praktik

mestilah diberi perhatian yang sewajarnya di sekolah-sekolah dan universiti-universiti."

Saya percaya Menteri Pendidikan sudah arif, sudah mengambil tahu, sudahpun memulakan langkah menuju ke arah citarasa rakyat, citarasa negara, dari segi kurikulum ini.

Kita dapati bahawa pengangguran berlaku kerana adanya ketidakseimbangan dari segi penyediaan dengan permintaan. Maksudnya anak-anak kita banyak lulus di dalam sesuatu jurusan, katalah dalam jurusan sosiologi didapati kerja-kerja untuk bidang ini sudah tidak ada lagi, sebab kalau mereka hendak bekerja dengan Kerajaan, maka lapangan untuk kerja itu sudah tidak ada lagi. Kalau mereka hendak berusaha, mereka dapati tidak begitu sesuai dengan pelajaran yang telah dipelajarinya dan dengan ijazah yang didapatinya. Begitu juga dalam hal-hal yang lain. Maka memandangkan kepada kemajuan negara yang pesat untuk menumpukan kerja dengan Kerajaan sudah perlu dikikis di kalangan pelajar-pelajar dan di dalam sistem pendidikan kita. Jadi ada baiknya usaha-usaha kepada kerja-kerja atau kepada bidang-bidang pelajaran yang boleh dipratikkan, yang boleh memberikan faedah kepada diri pelajar-pelajar, mahasiswa atau siswazah kita ini diperbanyakkan.

Umpamanya, katalah di dalam bidang-bidang yang menunjukkan kreatif atau daya imiginasi dalam bidang-bidang yang merupakan radio makenik atau menjadi taukeh kepada plumber atau perkara-perkara lain yang merupakan kerja-kerja harian, hal-hal teknik, teknikal harian yang boleh memberikan peluang-peluang pekerjaan sama ada cara berdikari atau dengan cara berkumpul dan lain-lain. Dan kalau ini dapat diusahakan, saya rasa sudah pun dalam pengetahuan Menteri yang

berkenaan, maka pengangguran akan dapat diredakan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, sedikit perkara lagi yang ingin disentuh ialah mengenai cara-cara pendidikan yang dijalankan. Kita dapati memang kemajuan—kemajuan dalam alam pendidikan di ketika ini tidak dinafikan lebih baik, lebih hebat, lebih dinamik daripada sebelumnya. Tetapi tidak juga dinafikan adanya sikap-sikap guru yang tidak begitu komited dengan tugasnya, yang tidak begitu menaruh penuh perhatian kepada tugasnya sebagai pendidik. Barangkali di zaman saya, di zaman Tuan Yang di-Pertua, cikgu dahulu kesemuanya ada cikgu, dia boleh jadi bapa, dia boleh jadi abang, dia boleh jadi penghulu, dia boleh jadi penggawa, dia boleh jadi tok imam dan boleh manjadi counsellor. Maka didapati sekarang ini pendidik-pendidik kita sudah tidak begitu banyak lagi yang demikian kualitasnya. Kita harap Kementerian yang berkenaan dapat juga meneliti peranan guru-guru ini. Kita sayang pada guru-guru, mereka pendidik, tetapi kita tidak nafikan sejak pembangunan begitu meluas, ada juga antara guru-guru ini yang ingin menambah rezekinya lalu membuat perniagaan-perniagaan dan berusaha membuat lain-lain kerja sampingan yang kadangkala mengabaikan tugasnya sebagai pendidik. Jadi ini juga diharap Kementerian berkenaan memberikan penelitian dan perhatian yang penuh terhadap peranan guru sebagai pendidik dan mengkomitedkan mereka dengan tanggungjawabnya demi untuk melahirkan generasi progresif di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin juga menyentuh walaupun tidak ada peruntukan khasnya di sini mengenai hal ehwal keagamaan. Yang saya hendak sentuh dalam perkara keagamaan ini ialah mengenai gejala-gejala pelampau-pelampau agama yang membawa ajaran-ajaran yang menyeleweng, ajaran-ajaran yang sesat, ajaran-ajaran yang tidak sealiran dengan agama Islam yang suci itu sendiri. Katalah salah satu daripada kumpulan-kumpulan yang telah nyata dan kedapatan bahawa pemimpinnya terang-terang sudah menyeleweng daripada akidah keislaman yang sebenarnya ialah kumpulan Al-Arqam.

Tuan Yang di-Pertua, berbulan-bulan sudah lamanya kita mendengar cerita-cerita sumbang dari kumpulan ini terutamanya telatah dan jaga peranan yang dijalankan oleh Yang di-Pertanya yang pada satu ketika menggelarkan dirinya seorang Sheikhu Al-Islam yang juga telah membawa kepada cerita-cerita Imam Mahadi dan kemudian di satu ketika baru-baru ini sudah terasa pula ego sangat lalu hendak mengambil alih Pusat Islam kerana memikirkan Pusat Islam itu sekarang ini ditadbirkan tidak mengikut cara Islam yang tulen dan yang sebenarnya. Dan berbagai-bagai perkara telah berlaku di kalangan pengikat-pengikatnya seperti Tuan Yang di-Pertua dengar ada di antaranya yang mengamak, ada di antaranya yang meninggalkan kewajipan kepada anak, berzikir siang malam seperti di Switzerland. Ada juga di antaranya melarikan anak dara orang, yang kidnap, saya gunakan perkataan "kidnap" di sini hanya di dalam Dewan, perkataan kidnap saya ialah mempengaruhi pelajar-pelajar wanita yang

cancik-cantik, yang lawa-lawa untuk dibawa ke tempat kumpulan berkenaan untuk di indoktrinasikan dengan ajaran-ajaran sesat mereka lalu mereka ini jadi taksub dan sanggup buat apa sahaja walaupun menjadi isterinya yang kesembilan, ke sepuluh.

Saya pernah bawa perkara ini di penggal Dewan yang lalu tetapi nampaknya Menteri Dalam Negeri yang diwakili oleh Timbalannya masih merasakan perkara ini belum sampai ke tahap merbahaya, belum sampai ke tahap mengancam keselamatan. Saya paling kesal dengan jawapan daripada Wakil Menteri Dalam Negeri yang baru lalu di sesi kita ini, yang mengatakan Kementerian menganggap kes-kes ini belum sampai ke tahap belum, belum, belum sampai ke tahap merosakkan mengancam negara dan lain-lain.

Apakah orang mengamuk dengan parang, membunuh kerana taksub dengan ajaran yang sesat, anak-anak diceraikan dari ibubapa setelah 18 tahun, 21 tahun dilarikan dijadikan isteri muda, dijadikan gundek secara halal, kemudian dilatih orang-orang sesat daripada agama Islam itu sendiri, mengkafirkan sama-sama sendiri, hendak menegakkan Kerajaan Islam, yang kononnya yang ada ini tidak Islam, itu belum sampai ke tahap merbahaya. Apakah kita hendak ambil tindakan setelah peristiwa seperti peristiwa Memali, setelah berlaku seperti peristiwa Memali baru kita hendak ambil tindakan. Mengapa kita suka bertindak setelah segala-galanya jadi bubur Tuan Yang di-Pertua?

Mengapa hujah-hujah, mengapa pandangan-pandangan bukan sahaja daripada saya alim ulama, cendekiawan agama dan lain-lainnya tidak diambil perhatian berat. Mengapa begitu?

Saya merayulah kepada Menteri Dalam Negeri, ambil perhatian segala-galanya ini, bertindaklah cepat. Kita tidak minta supaya

mereka itu dikurung semuanya, kita minta ini dua, tiga orang yang mendabik dada yang lebih Islam dari Islam, yang membuat tarikat-tarikat yang salah ini disimpan sementara waktu.

Dan kemudian kita boleh asuh pengikut-pengikut mereka ke jalan yang benar, kita boleh kembalikan mereka ke jalan Allah, ke Sunnah Rasul dan kembali kepada Al-Quran, ajaran Al-Quran sebagai Imam kepada orang Islam. Coba lihat apa yang saya pegang ini Tuan Yang di-Pertua. "Orang Arqam S.S. ini ditulis oleh seorang yang pernah menjadi orang kuat Arqam dahulunya. Dan beliau dengan ikhlas telah menulis rencana ini di dalamnya disebut berbagai-bagai perkara yang dilakukan oleh kumpulan ini melalui pemimpinnya. Kita tidak salahkan pengikutnya, pemimpin-pemimpinnya yang menyeleweng daripada tata susila keagamaan", daripada tata sasila kehidupan yang normal", daripada tata susila kefamilian, kekeluargaan dan dari tata susila adat istiadat timuran.

Jadi, macam mana lagi yang hendak, bila lagi hendak bertindak, inilah yang merunsingkan fikiran saya dan banyak orang-orang seperti saya. Saya paling runsing takut satu hari anak gadis saya pula akan terpengaruh akan dilarikan dan kemudian bila ditemui anak ini sudah bingung tidak boleh bercakap. Dalam kepalanya otaknya nampak. Sheikhu-sheikhu ini sebagai Nabi-nabi, nauzubillah. Sebagai dewa-dewa, sudah tidak ada apa lain difikirkannya melainkan jejak yang dihadapannya. Walaupun dia teraniaya, walaupun dia tahu dia jadi isteri yang kesepuluh, empat sekali pasang Tuan Yang di-Pertua. Dapat, cerai nampak lawa sedikit, cerai, ambil pula yang baru. Macam itulah cara dia. Dia berlindung dibalik hukum Islam yang mambolehkan seorang lelaki yang cukup syarat, yang cukup segala-

galanya seperti yang ditentukan oleh Rasulullah s.a.w. ditentukan oleh Al-Quran, mereka itu menggunakan ini sebagai penghalal cara kepada nafsu buasnya.

Tuan Yang di-Pertua, rasa kurang sabar sudah kami wanita-wanita di Malaysia mengenai gelagat-gelagat yang dibuat oleh pihak Al-Arqam ini. Tetapi saya kacakan, saya pisahkan pengikutnya dengan pemimpinnya. Pemimpinnya yang dua, tiga orang ini perlu diambil tindakan. Pengikutnya perlu dibelai, dibela, diberikan petunjuk-petunjuk yang benar, supaya mereka boleh mengamalkan Islam itu mengikut syarat, mengikut tarikat, mengikut unsar-unsur dan ajaran Islam yang sejati. Tidak kurang alim ulama dalam negara kita yang boleh membendung, membetul dan boleh membawa mereka, boleh menyebabkan mereka takwa kepada Allah. Boleh menyebabkan mereka menjadi orang alim ulama sama ada wanita ataupun lelaki.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat bercakap panjang masa ditentukan telah habis mungkin, maka setakat itulah dahulu pandangan-pandangan dan hujah-hujah saya dalam menyokong Akta di hadapan saya ini.

Kesimpulan saya minta rakan-rakan saya di dalam Dewan daripada MCA atau Gerakan, janganlah lagi mengusik sarang tebuan. Jangan bercakap tidak menoleh kebelakang, jangan membawa hujah-hujah yang berbentuk hasutan perkauman, jangan mengulangi sejarah 13 Mei, tolong sedikit. Dan bercakaplah dengan rasional, mintalah apa yang diminta tetapi jangan menuduh,

Dan kesimpulan yang kedua, harap Kementerian Pendidikan mengambil perhatian berat mengenai masalah kurikulum dan peranan guru-guru, jangan ada lagi anak-anak kita yang terlampau kurang ajar

di sekolah-sekolah yang sebelumnya kita tidak pernah dengar.

Dan yang terakhirnya sila ambil tindakan kepada pemimpin-pemimpin Al-Arqam, kalau boleh sehabis Dewan ini bersidang simpan mereka sementara waktu supaya kita dapat damaikan, perbetulkan yang lain-lainnya dan dengan ini saya lagi sekali menyokong kepada Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1989.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Sila Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Jendol.

5.48 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Jeadol: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t, yang diberikan kesempatan ini untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1989 dan sebagai orang baru saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan, Agong dan juga Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana. Menteri yang telah melahtik saya sebagai Senator mulat pada bulan Ogos yang lepas.

Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Kewangan yang sebentar tadi telah membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 1989 dan saya yakin dan percaya bahawa dengan belanjawan yang baru ini, belanjawan 1989 ini tentunya ekonomi kita daripada satu tahap yang agak kurang memuaskan akan dapat pada tahun hadapan ini menjadi satu negara kita mempunyai ekonomi yang begitu kukuh dan saya ucapkan syabas kepada Menteri Kewangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya agak berasa begitu kesal tadi dalam Dewan yang mulia ini dan sebagai orang baru, saya begitu terkejut kerana saya melihat Dewan iai satu tempat yang agak mulia, tetapi telah dijadikan satu tempat yang mana telah kita sama-sama dengar tadi apa yang telah dikatakan oleh rakan kita dari MCA yang telah menyinggung perasaan kita dan ini benar-benar telah kita merasa begitu kesal yang amat sangat dan seolah-olah Dewan ini dijadikan macam Dewan Rakyat, ada Pembangkang, ada PAP, ada PAS. Dan sebagai orang baru, saya merasakan itu satu perkara yang tidak sepatutnya berlaku.

Tadi telah diterangkan oleh Yang Berhormat wakil daripada Melaka bahawa ini mungkin ekoran daripada Perhimpunan Agung UMNO yang baru lalu di mana ramai di antara perwakilan kita telah banyak menyuarakan rasa tidak puas hati atas tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh MCA dalam keadaan masa yang sebegini rupa. Saya hendak beritahu kepada mereka dan kalau kita serau tahu dalam Perhimpunan-perhimpunan mereka, Perhimpunan MCA umpamanya, mereka begitu teruk menunjukkan rasa tidak puas hati yang sengaja dibuat-buatnya. Dan saya begitu rasa kesal atas sikap yang telah ditunjukkan oleh rakan-rakan kita dalam Barisan Nasional. Sepatutnya perkara iai buka di sini tempatnya untuk mereka mengeluarkan perasaan, tetapi ada tempat yang tertentu yang boleh mereka keluarkan, mereka bincangkan dan sama sama kita aturkan.

Tadi rakan-rakan kita telah banyak bercakap. Selama ini apa yang kita berikan kepada mereka. Adakah mereka ini tidak sedarkan diri mereka daripada mana asal-usul mereka datang? Ini kita tanya kepada mereka. Mereka harus sedar. Bangsa Melayu sebagai pribumi

negara ini dan kita telah banyak memberikan tolak-ansur kepada mereka dan ini harus mereka sedar.

Saya percaya kalau terjadinya sekali lagi 13 Mei, maka ini bukan salah pada orang Melayu. Jadi, saya harap kepada MCA supaya hentikan mengeluarkan perasaan tidak puas hati dan itu harapan kita. Dan kalau hendak kita boleh jadikan sekali lagi Perhimpunan Pemuda UMNO Oktober yang lepas dan kita boleh tunjukkan" kepada mereka bahawa kita masih bersatu, kita masih kuat. **[Tepuk]** Jadi, saya tidak banyak untuk bercakap soal MCA ini. Dan saya rasa cukup setakat inilah yang dapat dan saya harap kepada ahli-ahli MCA yang lain atau parti GERAKAN, jangan timbulkan lagi perasaan. rasa tidak puas hati. Ini tentunya telah memedihkan hati kita.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya sarankan di situ ialah beberapa perkara yang ada kaitannya dengan Kerajaan dan saya ingin menyentuh dalam beberapa aspek walaupun tadi Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin telah menyentuh soal pendidikan, saya ingin menyentuh sekali lagi dan agak secara detail. Kita merasa kagum melihat kejayaan yang dicapai sejak tiga dekad yang lalu di bidang pendidikan. Sesungguhnya pendidikan bertanggungjawab membangun dan memajukan pendidikan rendah dan menengah, pendidikan guru dan politeknik. Dari satu sistem vernacular kita telah berjaya menegakkan satu sistem pendidikan kebangsaan yang seragam dan menyeluruh berasaskan Penyata Pelajaran Razak 1950, Akta Pelajaran 1961 dan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1980. Dari beberapa jenis sistem persekolahan, kita telah berjaya mewujudkan satu sistem persekolahan

kebangsaan dengan memberikan penekanan kepada penubuhan sekolah-sekolah rendah dan menengah di luar bandar, termasuklah sekolah Vokasional dan Teknik sehinggakan mampu menampung 3,597,060 orang pelajar. Pembangunan bukan fizikal juga berjalan dengan pesat.

Democratisation of education, dengan izin, telah dilaksanakan sepenuhnya sehingga lebih daripada 98% kanak-kanak kita berpeluang mengikut pendidikan umum walaupun pendidikan tidak diwajibkan seperti di kebanyakan negara-negara lain. Kurikulum sekarang didapati lebih child-centered, dengan izin, yang berkemampuan untuk memenuhi kehendak pendidikan bagi perkembangan individu menyeluruh. Perhatian juga diberi kepada mata-mata pelajaran bukan akademik atau aktiviti-aktiviti yang menentingkan perkembangan akhlak, intelek, jasmani, rohani dan emosi individu.

Dari segi sumbangan ke arah perpaduan negara, sistem pendidikan kita mampu menyediakan individu yang toleran, bermoral dan berdisiplin sesuai dengan falsafah pendidikan negara bagi membentuk masyarakat yang bersatu-padu. Manakala dari segi pembangunan negara, ianya berjaya menyediakan asas ke arah penghasilan golongan intelek, khususnya ahli-ahli profesional yang mahir dan lain-lain tenaga kerja dalam semua peringkat kepakaran. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam menegaskan kepentingan peranan Kementerian Pendidikan melahirkan keyakinannya bahawa Kementerian ini adalah bertanggungjawab menentukan masa depan negara serta memberi kemahiran dan terapan nilai-nilai yang baik kepada kanak-kanak. Walaupun sistem pendidikan kita sudah mantap, tetapi kemantapannya perlu dipertingkatkan lagi selaras dengan peredaran, kehendak dan

tuntutan zaman. Di sana sini masih wujud lompang ataupun kelemahan-kelemahan yang perlu tindakan segera.

Pertama berhubung dengan taman didikan kanak-kanak. Walaupun ini telah diterangkan dalam Soal Jawab pada dua tiga hari yang lepas, tetapi ingin saya tekankan bahawa sejak kebelakangan ini Tadika tumbuh ibarat cendawan selepas hujan. Pelbagai badan atau organisasi yang mengendalikan Tadika, di antaranya ialah KEMAS, badan-badan seperti Kristian, Gereja, Arqam dengan Taskinya dan pihak individu. Dua isu yang ingin saya timbulkan. Pertama adakah Tadika ini didaftar di bawah Kementerian Pendidikan.

Kedua, adakah Tadika mengikut kurikulum yang seragam digubal oleh Kementerian. Rata-rata adalah didapati kebanyakan Tadika tidak daftar dan dioperasi secara haram. Belum ada kurikulum yang seragam yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan. Saya amat khuatir jika sekiranya Tadika tidak dikawal maka ia akan menjejaskan dasar pendidikan negara. Sesungguhnya kanak-kanak yang masih mentah amat mudah dididik atau dilentur mengikut matlamat dan objektif pihak penganjur.

Dalam-konteks yang sama, Kementerian Pendidikan seharusnya, juga-menumpukan perhatian terhadap sekolah-sekolah swasta. Masih ada sekolah-sekolah swasta bergerak secara haram atau berjalan tanpa mengikut syarat-syarat yang dikenakan oleh Kementerian Pendidikan. Kadangkala bangunan yang digunakan tidak conducive, dengan izin, ke arah pengajaran dan pembelajaran, Ada pula yang diberi kelulusan untuk membuka kelas tuition sahaja tetapi sebaliknya menjalankan sekolah swasta sepenuhnya. Adakah guru-guru di sekolah swasta ini mempunyai permit untuk mengajar? Adakah pihak Kementerian atau Jabatan mengawasi pengajaran dan pembelajaran sekolah-sekolah swasta. Sesungguhnya kita tidak ingin melihat ajaran-ajaran sesat, ajaran yang tidak sihat, anti-Kerajaan, anti-sosial serta anti-establishment.

Justeru itu saya syorkan supaya Kementerian Pendidikan mengambil langkah-langkah positif dan segera sebelum nasi menjadi bubur.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini masalah disiplin di kalangan pelajar menjadi satu isu yang hangat. Semua pihak terpegun dan terkejut bahawa pelajar-pelajar kini terlibat dengan vandalism, gangsterism, pembunuhan, pergaduhan, menipu, terlibat dengan dadah, skandal seks, ponteng sekolah dan lain-lain aktiviti yang tidak sihat. Kedua-dua pihak sama ada ibu bapa atau guru menyalahkan di antara satu sama lain. Perang dingin ini tidak berakhir selagi kita mencari kesalahan orang lain tanpa membuat satu tindakan positif. Sesungguhnya fenomena ini hanya melibatkan 2% sahaja daripada jumlah bilangan pelajar yang berjumlah 3,597,060 orang. Kita seharusnya melihat isu ini dalam perspektivenya yang sebenar. Adakah kuasa yang diberikan kepada pengetua atau guru besar itu mencukupi untuk membendung gejala-gejala yang tidak diingini?

Pada hemat saya kuasa pengetua atau pun guru besar di empat penjurong sekolah sahaja adalah belum mencukupi. Pihak pengurus sekolah tiada mempunyai apa-apa kuasa pun di luar kawasan sekolah mereka. Sehubungan dengan ini tangan pengetua ataupun guru besar tidak boleh menjangkau ke luar pagar sekolah, walaupun pelajar-pelajar mereka terlibat dengan aktiviti-aktiviti jenayah. Dalam usaha mendisiplinkan pelajar-pelajar Kementerian Pendidikan hendaklah memberikan kuasa yang lebih melalui perundangan kepada pihak sekolah. Apa juga sistem unsur rewards ataupun punishment perlu ada untuk melindungi kepentingan, kesejahteraan dan keselamatan orang lain.

Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah dilaksanakan sepenuhnya dan kini sampai ke peringkat menilai dan mengkaji semula. Pada keseluruhannya KBSR adalah satu kejayaan tetapi masih ada

ruang untuk memantapkannya lagi. Pada hemat saya matapelajaran alam dan manusia perlu dikaji semula kerana panacea ini mengandungi 4 elemen iaitu sains, sejarah, geografi dan kerajaan tempatan, Bagi generasi yang masih muda dan mentah adalah sukar bagi mereka mengikuti dan menghayati lebih-lebih lagi melalui discovery method. Bagi golongan guru pula mereka hanya mahir dalam satu-satu ilmu sahaja akhirnya guru-guru hanya one lesson ahead of the pupil. Di sekolah menengah pula matapelajaran ini tidak ditawarkan. Justeru itu tidak ada kesinambungan.

Tuan Yang di-Partua, saya suka menegaskan bahawa kejayaan KBSR adalah kerana ia diberikan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk alat-alat bantu, lembaran kerja dan alat pandang dengar. Sejak tahun 1988 saya difahamkan bahawa Kementerian Pendidikan tidak lagi" memberikan peruntukan kewangan, untuk KBSR. Saya bimbang dan ragu prestasi KBSR yang begitu baik akan terjejas jika sekiranya tiada peruntukan kewangan, lebih-lebih lagi kebanyakan sekolah rendah adalah sekolah Gred C kecil, dan terpencil. Sehubungan dengan ini saya dengan hormatnya meminta Kementerian Pendidikan mengkaji segera berkaitan dengan peruntukan kewangan KBSR ini. Peruntukan hendaklah diberi supaya KBSR ini dapat berjalan dengan lancar dan mantap.

Tuan Yang di-Pertua, awal-awal lagi saya telah menyatakan kejayaan kita di bidang pendidikan. Kejayaan cemerlang ini adalah disebabkan staf dalam perkhidmatan pendidikan adalah ahli-ahli profesional. Mereka menerima latihan dan pengalaman kerja yang khusus yang membolehkan mereka menguasai kemahiran, kepakaran dan kecekapan teknik yang khusus. Sebilangan daripada mereka pula mempunyai kelayakan profesional lanjutan di peringkat ijazah sarjana

dan doktor falsafah dalam berbagai pengkhususan pendidikan. Secara cegas dan tepat mereka adalah highly professionalised dalam ertikata mereka kaya dengan fungsi dan peranan yang khusus yang mereka mainkan. Saya berasa dukacita kerana peranan yang suci dan murni yang dimainkan oleh mereka tidak mendapat pembelaan dan status quo yang sewajarnya. Peluang kenaikan pangkat dalam perkhidmatan pendidikan adalah amat tipis kalau dibandingkan dengan peluang kenaikan pangkat dalam perkhidmatan-perkhidmatan lain di negara ini. Malahan peratusan jawatan naik pangkat bagi gred-gred Tingkatan tertinggi G dan ke atas dalam perkhidmatan pendidikan adalah rendah sekali di antara semua perkhidmatan Kerajaan.

Saya gunakan kesempatan dalam ucapan ini untuk meminta Kerajaan mengkaji semula perkhidmatan pendidikan dan memberikan peluang kenaikan pangkat setanding dengan rakan-rakan mereka di dalam perkhidmatan lain di negara ini.

Saya juga ingin menyentuh sedikit dalam masalah dadah. Najis dadah merupakan ancaman terhadap negara. Ia yang boleh mengganggu gugat keselamatan dan kesejahteraan negara. Kita tahu Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membiayai Pusat-pusat Serenti di seluruh negara. Beratus-ratus ribu belia hidup terumbang ambing akibat terjebak dalam najis dadah ini. Adalah dikenalpasti bahawa penagih-penagih dadah setelah menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat-pusat Serenti balik semula menagih dadah.

Oleh kerana terlalu ramai, ada yang terpaksa menunggu mengikut giliran untuk masuk ke pusat serenti. Saya memandang serius perkara ini kerana wang yang dibelanjakan sebegitu banyak adalah membazir, padahal ia boleh digunakan untuk pembangunan negara yang lebih manfaat. Untuk membanteras penyalahgunaan dadah, kerajaan telah

mengenakan hukuman death mandatory kepada pengedar-pengedar dadah. Ini pun tidak begitu berkesan. Bilangan penagih dadah yang ramai bererti masih lagi ramai pengedar-pengedar sama ada secara kecil-kecilan atau besar-besaran. Persoalannya adakah mereka tidak takut dengan hukuman mati? Adakah mereka itu sukar dikesan, ditangkap dan dibawa ke muka pengadilan?

Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir bahawa ada golongan-golongan yang berhubung kait dengan dadah. Mereka tidak menangkap dan menutup mata sebelah kerana mereka rasuah. Pengedar-pengedar dadah memelihara orang-orang tertentu dalam banyak kes menerima maklumat daripada orang-orang ini untuk mengelakkan daripada penangkapan. Mereka mempunyai inside information untuk melepaskan diri; apatah lagi jika sekiranya pengedar-pengedar ini terdiri daripada orang-orang yang berpengaruh dan mempunyai kedudukan yang tinggi.

Dalam hal ni kita tidak boleh bertolak ansur. Kita tidak boleh memilih bulu, orang atau pihak yang bersubahat dan menerima rasuah dadah hendaklah juga ditangkap dan dijatuhkan hukuman death mandatory. Sesungguhnya orang yang menerima rasuah dadah ini adalah lebih merbahaya daripada penagih ataupun pengedar. Merekalah pengkhianat bangsa dan negara.

Adalah dikenalpasti bahawa rawatan dan pemulihan di Pusat Serenti adalah kurang berkesan. Penagih-penagih dadah keluar masuk ke Pusat Serenti. Justeru itu saya ingin mengesyorkan supaya penagih-penagih dadah itu ditempatkan ke pusat-pusat khas sepanjang hidup mereka dan digerakkan ke arah self supporting ataupun sara diri. Projek ini lebih kurang sama dengan rumah orang tua-tua

ataupun rumah orang penyakit kusta. Dengan berbuat demikian sekurang-kurangnya kita telah dapat mengasingkan pengedar daripada pelanggannya. Di samping itu bekas penagih dadah tidak akan lagi mendapat regular supply. Akhirnya, kita percaya mereka akan berhenti terus daripada menjadi penagih.

Bercakap soal belia hampir 6 juta penduduk Malaysia adalah golongan belia. Generasi muda ini adalah aset dan harta kekayaan negara yang tidak boleh ditukar ganti. Merekalah yang akan meneruskan warisan budaya dan tamadun bangsa dan negara. Sehubungan dengan ini adalah wajar mereka itu diberikan perhatian yang sewajarnya. Lebih kurang 1 juta orang sahaja yang menganggotai persatuan-persatuan dan badan-badan sukarela dan belia di seluruh negara. Bakinya 4 juta tidak menjadi ahli mana-mana persatuan. Keadaan belia kita pada hari ini adalah membimbangkan. Di peringkat umur yang belum matang mereka mudah terpengaruh dengan kebudayaan kuning, tarian Rock, berkelakuan liar dan ingin kebebasan mutlak. Kita seharusnya membendung gejala-gejala yang tidak diingini dan sebaliknya hendaklah diterapkan dengan nilai-nilai murni yang menjadi kemegahan orang-orang kita. Dalam konteks ini Kerajaan melalui jabatan dan agensinya hendaklah membantu para belia baik dari segi kewangan, material mahu pun khidmat nasihat. Pihak swasta juga seharusnya turut membantu ke arah pembentukan dan kesejahteraan generasi muda. Amalan masa kini, baik Kerajaan mahupun swasta lebih mementingkan sukan daripada pembinaan insan belia. Beratus ribu ringgit dicurahkan untuk sukan tetapi peruntukan bagi pembinaan belia amatlah kecil sekali.

Sukalah saya mengingatkan bahawa tiada sukan tanpa belia, Kerajaan hendaklah committed dalam memperjuangkan arah laluan vision dan mission para belia negara ini,

Untuk mengurangkan kadar pengangguran di kalangan belia, Kerajaan dan agensi-agensinya boleh membantu para belia dengan memberikan kerja-kerja kecil seperti membekalkan benih kelapa sawit, benih getah, membaja, memotong rumput dan apa-apa sahaja kerja-kerja kecil dan sebagainya. Ini memandangkan ramai di antara belia masa kini mempunyai ijazah dan pengetahuan dalam banyak bidang,

Adalah juga disyorkan supaya beribu—ribu hektar tanah yang terbiar di seluruh negara diusahakan. Belia-belia dijadikan petani-petani moden dan dikelompokkan. Dalam konteks ini, agensi-agensi Kerajaan- seperti Jabatan Belia dan Sukah, Jabatan Pertanian FELDA, FELCRA dan MARDI hendaklah digabungkan untuk tujuan mengusahakan tanah-tanah terbiar dengan menggerakkan tenaga belia **ini**. Projek pertanian bersepadu jika dirancang dengan **teliti** akan mendatangkan hasil yang lumayan dan mungkin dapat mengurangkan masalah pengangguran di kalangan belia.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itulah yang dapat saya sampaikan dalam ucapan sulung saya tadi dan saya mohon ampun dan maaf sekiranya terdapat apa-apa kekasaran yang berlaku dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan yang dibentangkan sebentar tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Shaharom bia Haji Maasom: Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih.

6.12 ptg.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini di Dewan yang mulia ini untuk turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan negara bagi tahun 1989 itu. Saya mensifatkan Belanjawan negara bagi tahun hadapan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Dato' Paduka Daim Zainuddin di Dewan ini pada petang ini jauh lebih memuaskan daripada tahun-tahun yang lalu di mana ianya lebih melihatkan ke arah pertumbuhan ekonomi yang unggul lagi sihat.

Saya serta rakyat Malaysia yang taat setia kepada tanah air berasa bangga kerana negara ini berjaya mewujudkan satu kedudukan ekonomi yang meyakinkan dewasa ini kecualilah mereka yang kurang taat setia kerana dia ini ada sifat hasat dan dengki seperti kata sebuah hadith "al-hasadi yadkul hasanat, kama takkulunnar rulkhatab." Perangai dengki, hasat ini dia ini memakan, menghapuskan segala-gala kebaikan. "Hasanat" kebaikan. Yang dibuat begitu punya banyak tidak nampak. Dia tidak nampak. Inilah yang dikatakan oleh Junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. "al-hasadi yadkul hasanat kama takkulunnar rulkhatab" sepertimana api memakan kayu, begitulah perangainya.

Walau bagaimanapun, saya berharap mereka ini sedar dan mereka akan menerima kenyataan. Di samping saya bersyukur kepada Allah s.w.t., saya menyusun 10 jari dan berdoa agar pertumbuhan ekonomi pada tahun ini, tahun hadapan dan pada tahun-tahun yang seterusnya

akan bertambah baik dan sampai ke tahap yang tinggi yang boleh dinikmati oleh kita semua rakyat jelata Malaysia tidak kira kaum. Semuanya akan menikmatinya, insya Allah.

Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan khususnya Menteri Kewangan, yang telah membentangkan satu Rang Undang-undang Perbekalan yang pada hemat saya dapat menggalakkan semua lapisan rakyat negara ini walaupun masih ada terdapat beberapa perkara yang patut diberi perhatian yang serius dan dikaji semula.

Dato' Yang di-Pertua - mudah-mudahan menjadi dato'lah, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya berpendapat Belanjawan itu turut memberi keutamaan kepada semua lapisan hidup masyarakat khususnya kepada golongan yang berpendapatan rendah dan marhain. Siapakah marhain? Perkataan 'marhain' ini terkenal di Malaysia ini, di Semenanjung ini, ialah orang-orang Melayu. Inilah yang marhain.

Saya ingin menyentuh sedikitlah tentang S.26, Kementerian Pendidikan. Anggaran yang besarnya diberikan. Syabas kepada Kementerian ini. Menteri Kewangan dalam membentang Belanjawan yang telah menyatakan bahawa bagi tahun 1989 sebanyak 4,190 bilik darjah sekolah rendah dan sebanyak 4,300 bilik darjah sekolah menengah akan dibina. Peruntukan sebanyak \$305 juta disediakan bagi program pendidikan tinggi dan bagi membolehkan lebih ramai lagi tenaga kerja mahir dikeluarkan setiap tahun. Kerajaan memberi peruntukan sebanyak \$100 juta bagi memperluas dan mempertingkatkan prograra pendidikan, teknikal dan vokasional. Syabas.

Untuk mencapai hasrat **ini**, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan perlulah menitikberatkan dalam dua mata pelajaran. Sekarang banyak perhatian diberi tetapi kita perlu banyak lagi pertimbangan dan secara serius diberi kepada dua mata pelajaran secara bersungguh-sungguh iaitu pelajaran sains dan ilmu hisab.

Banyak galakan perlu diberi kepada penuntut-penuntut yang memilih pelajaran tersebut agar mereka tidak berhenti separuh jalan dan bertukar aliran kepada pelajaran sastera atau bidang sastera.

Hal ini banyak berlaku di kalangan penuntut-penuntut Melayu. Guru-guru dan Pegawai-pegawai Pendidikan di tiap-tiap negeri di Malaysia perlulah bekerja lebih rajin dan berusaha dengan gigih untuk membimbing pelajar-pelajar yang lemah dalam mata pelajaran tersebut. Janganlah asyik diberi tuition semata-mata untuk mencari mata pencarian lebih daripada apa yang sudah ada.

Cuba kita lihat guru-guru di negeri Jepun dan Korea betapa dedikasi mereka ini dan bertekun melahirkan penuntut-penuntut yang cemerlang dalam mata pelajaran tersebut kerana mereka tidak mahu ketinggalan zaman dan mempertahankan kewibawaan negara-negaranya dalam bidang industri. Ini tidaklah satu perkara mustahil untuk dicapai di Malaysia ini.

Pada hari ini kenyataan sudahpun menunjukkan bahawa Malaysia adalah pengeluar dan pengeksport alat-alat hawa dingin bilik atau pejabat, dengan izin, room air-conditioners yang kedua besar di dunia selain daripada Jepun. Ini semalam saya dengar wawancara seorang pakar ekonomi yang menyatakan Malaysia adalah yang kedua besarnya. Tetapi ini adalah penanam modal daripada orang Jepun di

Malaysia, teknologi dia juga. Tetapi kita juga harap kita dapat gunakan teknologi kita dan juga orang-orang yang mengendalinya adalah terdiri daripada anak-anak Malaysia.

Untuk memenuhi cita-cita Kerajaan, Negara Malaysia menjadi negara perindustrian baru, maka perlulah peratus kelulusan yang tinggi dicapai di bidang tersebut agar, ramai anak-anak kita menjadi ahli sains dan ahli teknologi. Ini dapat dicapai dengan memiliki kemahiran tersebut di pusat-pusat pengajian tinggi.

Akhir-akhir ini, Tuan Yang di-Pertua, apa menyedihkan kami ataupun kita orang-orang Islam khususnya dan orang-orang Malaysia amnya ialah Al-Arqam telah memesongkan usaha murni Kerajaan untuk mencapai matlamat itu khususnya di kalangan anak-anak Melayu dengan ajaran yang dibawanya ternyata sekali bercanggah dengan apa yang patut dilakukan oleh orang-orang Melayu.

Anak-anak tidak dibenarkan memasuki sekolah Kerajaan ataupun sekolah, swasta yang menggunakan kurikulum-Kementerian Pendidikan dan sebaliknya memasuki sekolah mereka sendiri yang lebih menekankan soal-soal dosa, pahala, neraka dan syurga. Pusat Islam mengakui Al-Arqam adalah terpesung dari aqidah Islamiah, tetapi sehingga hari ini nampaknya tidak siapa berani buat sesuatu atau bertindak.

Tetapi mereka pun tahu, ulama kita pun tahu dalam Pusat Islam datang ke sana sini, minaddunya, dia tahu Tuhan pun sudah kata, "Jangan kamu lupa nasib kamu di dunia", Tetapi dia tahu orang yang sudah menyelewengkan ataupun menghasut ataupun memberi ajaran-ajaran yang songsang membawa kepada kesesatan anak-anak muda kita, tidak kita membuat sesuatu? Sebuah hadis sahih juga ada menyebut - Buatlah, kerjalah bersungguh-sungguh, carilah nafkah hidup, rebutlah apa yang ada di dunia ini seolah-olah kamu hendak hidup selama-lamanya dan buatlah untuk bekalan akhirat seolah-olah kamu akan mati besok. Kita tahu dan kita sedar dan alim ulama kita pun tahu. Mengapa hendak tunggu-tunggu lagi? Sebab orang inilah yang banyak membawa gejala buruk ini maka rakan-rakan kita sudah mulalah, merasa dia ini entah, tiada siapa lagi, bak kata orang Pulau Pinang mulalah congkil sana, cucuk sini, cucuk sana hendak beri kita latah.

Tuan Yang di-Pertua, isu bahasa ibunda pula dibangkitkan selalu di Dewan yang mulia ini dan Kementerian Pendidikan menjadi sasaran selalu. Banyak penjelasan diberi tetapi tidak diterima oleh pihak yang tertentu, ibarat mencurah air di daun keladi, sudah terang dia hendak suluh lagi. Saya ingin mengesyorkan kepada Kementerian. Pendidikan dan Kerajaan agar bahasa kebangsaan di perkenalkan sebagai bahasa ibunda, Mereka yang tinggal di Malaysia ini anggaplah Bahasa Malaysia itu bahasa ibunda seperti mana diamalkan di negara-negara jiran kita seperti di Thailand, bahasa ibundanya adalah bahasa Thai, bahasa rasminya bahasa Thai.

Begitu juga di Indonesia di mana bahasa Melayu Indonesia itu adalah sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaannya. Bahasa ibundanya di mana sahaja mereka bertutur bahasa itu. Bahasa kedua dan ketiga itu bolehlah dipelajari dan kemudahan memang diberi oleh Kerajaan dari sekolah rendah hatta ke sekolah menengah, hatta ke universiti sekalipun. Ini kita tidak nafi, memang diberi. Anggappah bahasa lain itu sebagai bahasa yang kedua dan ketiga dan sebagainya.

Mereka yang bermastautin di Malaysia, yang menjadi rakyat Malaysia adalah terdiri dari generasi yang ketiga yang turun dari beberapa generasi dan keturunan dan mereka tidak harus membesarkan dan mendewa-dewakan negara asal dan keturunannya kerana mereka menerima hakikat bahawa negara tanah tumpah darahnya adalah Malaysia.

Tadi seorang Yang Berhormat Baba Melaka kita telah mengatakan bahawa beliau adalah Malaysian, keturunannya di sini. Maksudnya diapun mengakui pada hakikatnya bahawa negara tumpah darahnya adalah Malaysia maka tidak usahlah timbul-timbulkan lagi mengenai isu bahasa ibunda ini. Memadailah dengan segala kemudahan yang diberi oleh Kementerian Pendidikan untuk matapelajaran-matapelajaran bahasa yang lain. Bahasa dinikmati oleh suku-suku kaum yang bersama-sama memajukan negara ini. Kita menghormati mereka mereka- juga perlu menghormati kita. Dengan bertutur bahasa kebangsaan ini di semua peringkat, di rumah, di pejabat, di pasar, di mana-mana sahaja maka polarisasi kaum dan kefahaman bangsa dan bahasa itu dapat dihapuskan demi perpaduan negara. Tidak boleh atau tiada siapa hendak mendakwa

bahawa bahasa kebangsaan itu khusus untuk bahasa dia. Bahasa ini adalah untuk semua penduduk di Malaysia.

Saya juga seperti rakan-rakan saya yang lain tadi berasa hairan dan amat takjub dengan tingkah laku rakan-rakan kita kononnya rakan-rakan yang menyokong parti Barisan Nasional, menyokong pemimpin-pemimpin dalam Barisan Nasional tetapi suaranya yang berkumandang di Dewan yang mulia ini di mana menuduh Kerajaan kita zalim. Maka semua ahli-ahli Senator di Dewan ini juga zalim termasuk ketuanya sendiri, setnuanya zalim, semuanya kurang adil, bersikap diakriminasi kononnya terhadap kaum-kaum yang lain yang bermastautin di Malaysia. Saya berharap tak usahlah lagi melahirkan apa yang telah dilahirkan tadi. Saya dapati mungkin sebelum mereka mula berucap ada orang datang menyampaikan satu siaran untuk mereka bacakan. Dalam hati kecilnya dia tidak mahu, tetapi dia dipaksa. Siapakah yang memaksa suruh dia baca, entahlah.

Cuba kita tanya rakan kita di sebelah saya sini, minta maaf, sudah tentulah diapun tidak tahu apa yang sebenarnya berlaku, maka terpaksa dia keluar Dewan tidak mahu berada di dalam Dewan.

[Tepuk] Kita suka biarlah orang kata yang jernih pun kita mahu, yang tidak jernih pun kita terima. Yang baik kita terima, yang tidak baik pun kita terima. Nikmat yang Tuhan beri, bila sekali-sekali ada kesusahan kita terima, semua kita terima. Tetapi kita hendak buang yang keruh, kita hendakkan yang jernih selalu. Harap mereka ini sedar, janganlah jadi alat orang lain, orang mahu kita berlagu, orang mahu kita sama kita "bertoyeh" kata orang Pulau Pinang, maksudnya selalunya suka-suka cari fasal, bermusuh-musuhan.

Ini tidak akan memberikan sebarang natijah, sebarang faedah kepada kita.

Projek-projek DEB kalau hendak cakap sayalah orang yang patut bercakap kerana saya berasa amat kesal sangat kalau diikuti-ikutkan dari segi pembangunan di negeri Pulau Pinang khususnya Pulau Mutiara, kalaulah hendak bercakap. Kalau kita hendak ungkit, saya fikir pukul 12.00 malam pun tidak boleh selesai. Saya boleh baca satu demi satu cara mana orang-orang Melayu yang sejati yang tinggal di bandar dihalau, dikeluarkan ataupun digalakkan supaya berhijrah. Saya ada pecahan bilangannya. Tetapi saya masih hendak mengawalinya, kerana saya percaya mereka yang berucap itu bukannya dia yang berucap dengan kehendaknya tetapi kehendak orang lain. Sebab itu saya tidak hendak bincang, kalau saya hendak bawa ini akan menjadi satu bahan yang terpaksa-hendak dibincang ataupun perlu hendak diteliti.

Satu contoh memadai apa yang berlaku di Pulau Pinang iaitu mengenai zoning. Zoning tahun 1972 dahulu telah menjadikan transitional zone, zon peralihan - habis hanyut "mim lam alif ya wau". Kemana? Itu siapa yang buat? UMNO membuatnya? Ya, kita ber-simpati, kita beri kerjasama sepenuh, kita terima, kita telan seperti ubat yang pahit, kita anggap itu akan menjadi mujarab, tetapi tidak. Minta maaf kalau saya hendak bercakap hal ini terlalu panjang, tetapi bukanlah maksud saya hendak mengungkit, bukanlah saya hendak menuduh mereka ini tidak berbuat sesuatu, tetapi ketara sekali yang menderita ialah kami di Pulau Mutiara. Berhijrah ke mana sekarang? Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Kawasan pilihanraya, hatta kawasan saya, saya korbankan. Sungai Nibong saya ada majoriti orang Melayu, empat pilihanraya saya jadi Pengerusi Pilihanraya, saya korbankan. Sekarang sudah jami hampir 50:50. Tetapi semasa 65% penduduknya Melayu, saya korban kepada rakan baik kami GERAKAN. **[Tepuk]** Saya Pengerusi Pilihanraya. Di mana letaknya Wakil Rakyat MCA, kawasan mana yang mereka menang. Keseluruhannya semuanya adalah majoritinya orang Melayu yang mereka menang pilihanraya. Di mana letaknya MIC, keseluruhannya adalah kawasan pengundinya majoriti orang Melayu, begitu juga MCA separuh daripada separuh tetapi tidak ada satu kawasan yang ramai pengundinya Cina diletakkan satu calon Melayu, tiada. Ini kenyataan. Walau bagaimanapun, ini bukan kita hendak ungkit, kerana kita hendak persaudaraan, kita hendak sepakat dalam Barisan Nasional. Kita tidak kira siapa dan saya seorang yang keluar kampung masuk kampung kena maki, kena hamun, kerana mereka kata saya tidak berdaya untuk meletakkan seorang calon UMNO. Saya terima atas dasar perpaduan, kerana kita adil seadil-adilnya supaya semua orang terima, MCA berjaya, semua berjaya.

Tuan Haji Shaharom bin Maasom: Ahli Yang Berhormat, mana sudah cukup, Yang Berhormat boleh sambung besok sedikit lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga besok, Selasa, 6hb Disember, 1988 jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

